

INDEKS KESEJAHTERAAN SPIRITUAL ISLAM DALAM KALANGAN
REMAJA

SAKINAH AB. RAHIM

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Pengurusan)

Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2019

DEDIKASI

Tesis ini didedikasikan khas buat abah yang sentiasa mendoa, mendorong dan mendidik bahawa ilmu penyempurna kekurangan diri; sentiasa mempercayai kemampuan dan memberi kekuatan kala diri ini mahu mengalah; juga kepada emak yang tidak putus dengan doa, dorongan, titipan kasih dan menjadi inspirasi untuk terus cecal walau apa jua dugaan melanda. Kasih sayang kalian membawa diri ini hingga ke tahap sekarang. *Alhamdulillah. Al-Fatihah* untuk abah.

PENGHARGAAN

Syukur *Alhamdulillah* serta salam dan selawat ke atas baginda Rasulullah SAW. Syukur ya ALLAH atas segala nikmat kemudahan, kelancaran serta kesempatan masa, ruang dan peluang yang KAU kurniakan kepada hamba-MU yang serba lemah ini untuk menyiapkan tesis ini. Syukur kerana ENGKAU memudahkan setiap urusanku.

Sanjungan kasih dan penghargaan yang tidak terhingga buat mak dan abah yang tidak pernah putus mendoakan kejayaan diri ini. Kasih sayang, bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar yang tidak pernah henti menjadikan diri ini lebih kuat untuk mengharungi hari-hari mendatang. Tidak cukup penghargaan ini dengan ucapan terima kasih. Semoga ALLAH melimpahkan kasih sayang-NYA kepada kalian sebagai mana kalian mengasihi diri ini. *Al-Fatihah* untuk abah.

Terima kasih tidak terhingga kepada penyelia, PM Dr. Siti Aisyah Abdul Rahman dan PM Dr. Siti Norlina Muhamad atas segala tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang tidak putus sepanjang proses penyediaan tesis ini. Terima kasih juga kerana sentiasa bersabar dan memahami diri ini. Terima kasih kepada penilai, PM Dr. Azlina Abu Bakar dan PM Dr. Kassim Thukiman untuk teguran dan tunjuk ajar. Terima kasih juga kepada semua pensyarah yang sudi memberi tunjuk ajar serta berkongsi pandangan, panduan dan dorongan.

Terima kasih juga kepada semua pelajar, guru dan seluruh warga SMKTUN, SMKA Muar, SMKA Johor Bahru dan SMKA Segamat yang melancarkan perjalanan kajian ini. Terima kasih juga buat semua warga FSSH, AHIBS, PKUTM, PSZ dan PRZS yang sentiasa sedia membantu.

Terima kasih juga kepada teman seperjuangan yang sentiasa bersama dalam jatuh bangkit, susah senang, suka dan duka sepanjang waktu ini. Kalian tahu siapa kalian. Terima kasih untuk setiap perkara yang kita kongsi dan lalui bersama. Terima kasih juga untuk jalinan persahabatan ini.

Juga penghargaan yang tidak mampu digambarkan dengan ungkapan terima kasih kepada adik-adik yang sentiasa berada di sisi; bersama dalam tawa dan tangis, mendorong tatkala diri ini letih dan lemah, juga sentiasa membantu tanpa mengharapkan balasan. Setiap titipan doa, bantuan dan kasih sayang kalian menjadi pembakar semangat untuk diri ini terus melangkah walau sehebat mana dugaan melanda. Semoga ALLAH pelihara kasih sayang dalam hati kita dan hanya DIA dapat membalas setiap jasa kalian.

ABSTRAK

Pengukuran terhadap aspek spiritual adalah penting dalam kajian psikologi manusia. Namun, pengukuran spiritualiti banyak dibangunkan daripada perspektif Barat. Justeru, kajian ini bertujuan membangunkan instrumen yang mengukur tahap kesejahteraan spiritual remaja berdasarkan perspektif Islam yang dinamakan Indeks Kesejahteraan Spiritual Islam Remaja (IKSIR). Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif diaplikasikan dalam fasa pembangunan instrumen. Konsep dan konstruk IKSIR dibangunkan berdasarkan buku Imam al-Ghazali berjudul *Ihya' Ulumuddin* sebagai rujukan utama, manakala item dijana bersumberkan dalil-dalil al-Quran. IKSIR disahkan oleh panel pakar yang terdiri daripada empat orang pensyarah dalam bidang psikologi dan kaunseling Islam, akidah dan falsafah, serta ujian dan pengukuran. Data dikumpul menerusi Teknik Delphi dan dianalisis dengan menjalankan ujian pekali Kappa. Manakala, kaedah kuantitatif diaplikasikan pada fasa pengesahan IKSIR dengan melibatkan remaja berusia 16 tahun sebagai populasi kajian. Instrumen ditadbir dalam kajian rintis melibatkan 37 remaja sebagai responden untuk menilai darjah kebolehpercayaan dan kesahan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 20.0 dan Winsteps versi 3.72.3. Analisis data kajian rintis mendapati darjah kebolehpercayaan dan kesahan IKSIR adalah baik dengan 10 item digugurkan kerana tidak memenuhi piawaian model pengukuran. Seterusnya, instrumen ditadbir dalam kajian lapangan melibatkan 298 remaja sebagai sampel kajian. Hasil analisis kajian lapangan mendapati darjah kebolehpercayaan dan kesahan IKSIR adalah baik. IKSIR menunjukkan sifat unidimensi dengan 10 item bermasalah; lima daripadanya bias terhadap jantina. Lima item digugurkan menjadikan instrumen akhir yang diwartakan terdiri daripada 66 item. Manakala, analisis tahap kesejahteraan spiritual responden secara keseluruhan mendapati 13 remaja berada pada tahap cemerlang, 180 pada tahap sangat baik dan baki 105 remaja berada pada tahap baik. Hasil analisis tahap kesejahteraan spiritual responden berdasarkan konstruk menunjukkan remaja mempunyai tahap keimanan, ilmu pengetahuan, ibadah dan akhlak yang tinggi. Namun, empat subkonstruk akhlak iaitu amanah, malu, berkata benar dan berani menunjukkan tahap sederhana. Kesimpulannya, kajian ini berjaya membangunkan Indeks Kesejahteraan Spiritual Islam Remaja. Dapatan kajian dapat membantu pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merangka program-program pembangunan sahsiah remaja selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

ABSTRACT

Measurement of spiritual aspect is vital in human psychology research. However, most of spirituality measurements were developed according to Western perspective. Thus, this study aimed to develop an instrument to measure the level of spiritual well-being among teenagers from Islamic perspective named *Indeks Kesejahteraan Spiritual Islam Remaja* (IKSIR). This study applied mixed-method design of qualitative and quantitative. The qualitative method was applied in the instrument development phase. The concept and constructs of IKSIR were developed based on Muslim scholars' ideas of Imam al-Ghazali's masterpiece, *Ihya' Ulumuddin* as main reference; while the items are generated from the Quranic verses. IKSIR was endorsed by a panel of experts comprising of four lecturers in Islamic psychology and counseling, *aqidah* and philosophy, also testing and measurement. The data were collected through Delphi Technique and analyzed using Kappa coefficient test. Meanwhile, the quantitative method was applied in validation phase of IKSIR involving teenagers aged 16 as population. The instrument was administered in pilot study involving 37 teenagers as respondents to assess the degree of reliability and validity. Data were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 20.0 and Winsteps version 3.72.3. Analyzed data from pilot studies showed that the degree of reliability and validity of IKSIR is good with 10 items omitted because they do not fit with the measurement model's standardization. Then, the instrument was administered in a survey engaging 298 teenagers. The result of the survey showed that the degree of reliability and validity of IKSIR is good. IKSIR showed unidimensional property with 10 problematic items; where five of them were gender biased. Five items were omitted, leaving the final version consisting 66 items. Meanwhile, the analysis on respondents' level of spiritual well-being found 13 respondents in excellent level; 180 in very good level while the rest 105 in good level. The analysis also showed respondents had high level of faith, knowledge, worship. However, four sub constructs of morals are at moderate level which are trusty, shyness, reliable speaks and braveness. As a conclusion, this study has successfully developed IKSIR. The findings can be used as a guideline for schools and Ministry of Education in drafting teenagers' development programs parallel to the National Philosophy of Education.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI SIMBOL	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xxi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Matlamat Kajian	10
	1.5 Objektif Kajian	10
	1.6 Persoalan Kajian	11
	1.7 Signifikan Kajian	12
	1.8 Skop Kajian	14
	1.9 Definisi Konseptual dan Operasional	14
	1.9.1 Pembangunan dan Pengesahan Instrumen	15
	1.9.2 Kesejahteraan Spiritual	16
	1.9.3 Keimanan	17
	1.9.4 Ilmu Pengetahuan	17
	1.9.5 Ibadah	19
	1.9.6 Akhlak	20

1.9.7	Remaja	21
1.10	Kesimpulan	22
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	23
2.1	Pengenalan	23
2.2	Konsep Kesejahteraan	23
2.3	Konsep Spiritual	27
2.3.1	Spiritual Islam	28
2.3.1.1	Penciptaan Manusia	28
2.3.1.2	Spiritual daripada Pandangan Sarjana Islam	35
2.3.2	Spiritual Barat	45
2.3.3	Perbandingan Konsep Spiritual Islam dan Barat	49
2.4	Konsep Spiritual Islam	55
2.4.1	Keunggulan Konsep Kesejahteraan Spiritual Islam	58
2.4.1.1	Keimanan	60
2.4.1.2	Ilmu Pengetahuan	66
2.4.1.3	Ibadah	72
2.4.1.4	Akhlak	79
2.5	Konsep Kajian	83
2.6	Konsep Remaja	86
2.7	Kesejahteraan Spiritual Remaja	90
2.8	Model Pembangunan Instrumen	94
2.8.1	Model Pembangunan Instrumen oleh McIntire dan Miller (2000)	94
2.8.2	Model Pembangunan Instrumen oleh Furr (2011)	98
2.8.3	Model Pembangunan Instrumen oleh Schutte, Wissing dan Khumalo (2013)	101
2.8.4	Model Pembangunan Instrumen Kajian	102
2.9	Kajian-kajian Lepas	106
2.9.1	Kajian Pembangunan Instrumen Kesejahteraan Spiritual Barat	106
2.9.2	Kajian Pembangunan Instrumen Kesejahteraan Spiritual Islam	109

2.10	Pembangunan Indeks Kesejahteraan Spiritual Islam Remaja (IKSIR)	112
2.10.1	Penilaian Kendiri	112
2.10.2	Skala Pengukuran Interval	112
2.10.3	Kesahan	114
2.10.4	Keunikan IKSIR	114
2.11	Kesimpulan	116
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	119
3.1	Pengenalan	119
3.2	Reka Bentuk Kajian	121
3.3	Prosedur Kajian	121
3.3.1	Fasa 1: Mereka Bentuk Instrumen	121
3.3.1.1	Matlamat Pembangunan Instrumen	122
3.3.1.2	Kumpulan Sasaran	122
3.3.1.3	Pembangunan Konsep dan Konstruksi Kajian	122
3.3.2	Fasa 2: Pembangunan Instrumen	123
3.3.2.1	Pembangunan Konstruksi dan Subkonstruksi serta Penyediaan Jadual Spesifikasi Instrumen	123
3.3.2.2	Penjanaan Item	131
3.3.2.3	Penghakiman Kandungan Instrumen dan Semakan Item	131
3.3.3	Fasa 3: Pengesahan Instrumen	133
3.4	Populasi dan Persampelan	135
3.4.1	Pakar Ruuk	135
3.4.2	Remaja	137
3.5	Pengumpulan Data	139
3.5.1	Data Kualitatif	139
3.5.2	Data Kuantitatif	140
3.6	Kajian Rintis	140
3.7	Analisis Data	142
3.7.1	Data Kualitatif	142

3.7.2	Data Kuantitatif	142
3.8	Kesimpulan	147
BAB 4	ANALISIS DATA	149
4.1	Pengenalan	149
4.2	Analisis Data Kualitatif	150
4.2.1	Siri Lelaran Pertama	150
4.2.2	Siri Lelaran Kedua	154
4.2.3	Siri Lelaran Ketiga	155
4.2.4	Kesimpulan Analisis Data Kualitatif	156
4.3	Analisis Data Kuantitatif	157
4.3.1	Data Demografik Responden Kajian Rintis	158
4.3.2	Kajian Rintis Pertama	159
4.3.2.1	Analisis Tingkah Laku dan Respon Responden	159
4.3.2.2	Analisis Kebolehpercayaan	160
4.3.2.3	Analisis Kesahan	161
4.3.2.4	Kesimpulan Kajian Rintis Pertama	166
4.3.3	Kajian Rintis Kedua	167
4.3.3.1	Analisis Tingkah Laku dan Respon Responden	167
4.3.3.2	Analisis Kebolehpercayaan	167
4.3.3.3	Analisis Kesahan	169
4.3.3.4	Kesimpulan Kajian Rintis Kedua	173
4.3.4	Ringkasan Dapatan Dua Siri Kajian Rintis	175
4.4	Analisis Data Kuantitatif	176
4.4.1	Data Demografik Responden	177
4.4.1.1	Bilangan responden mengikut Sekolah	177
4.4.1.2	Jantina Responden	178
4.4.1.3	Bilangan Adik Beradik Responden	179
4.4.1.4	Tahap Tertinggi Pendidikan Agama Formal	180
4.4.1.5	Penjaga Responden	180
4.4.1.6	Status Perkahwinan Penjaga Responden	181

4.4.1.7	Kawasan Petempatan	182
4.4.1.8	Anggaran Pendapatan Bulanan Keluarga	182
4.4.1.9	Pengamalan Solat Fardhu Berjemaah	183
4.4.2	Analisis Data Kuantitatif Kajian Lapangan berdasarkan Objektif Kajian	182
4.4.2.1	Objektif 1: Menganalisis Darjah Kebolehpercayaan serta Indeks Pengasingan Individu dan Item Instrumen	184
4.4.2.2	Objektif 2: Menganalisis Darjah Kesahan Instrumen	187
4.4.2.3	Objektif 3: Menganalisis Tahap Kesejahteraan Spiritual Responden	193
4.4.3	Ringkasan Analisis Kajian Lapangan	206
4.5	Kandungan Akhir Instrumen	208
4.6	Kesimpulan	212
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	215
5.1	Pengenalan	215
5.2	Perbincangan	215
5.2.1	Objektif 1: Membina Konsep Kajian dan Konstruk Indeks Kesejahteraan Spiritual Islam Remaja (IKSIR) yang Mengukur Tahap Kesejahteraan Spiritual berdasarkan Pandangan Sarjana Islam	216
5.2.2	Objektif 2: Menganalisis Darjah Kebolehpercayaan dan Kesahan IKSIR	223
5.2.3	Objektif 3: Menganalisis Tahap Kesejahteraan Spiritual Responden	232
5.3	Kesimpulan Perbincangan	237
5.4	Implikasi Kajian	238
5.4.1	Implikasi secara Teoritikal	238
5.4.2	Implikasi secara Praktikal	240
5.5	Cadangan	243
5.5.1	Cadangan kepada Ibu Bapa	243

5.5.2	Cadangan kepada Pihak Sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia	244
5.4.3	Cadangan kepada Golongan Remaja	245
5.4.4	Cadangan kepada Pengkaji akan Datang	247
5.5	Penutup	248
RUJUKAN		249
LAMPIRAN A		261
LAMPIRAN B		263
LAMPIRAN C		267
LAMPIRAN D		285
SENARAI PENERBITAN		289

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Perbandingan Konsep Spiritual Islam dan Barat	54
Jadual 2.2	Definisi Remaja	87
Jadual 3.1	Jadual Spesifikasi Instrumen	124
Jadual 3.2	Indikasi Nilai Pekali Kappa	133
Jadual 3.3	Senarai Panel Pakar Rujuk	136
Jadual 3.4	Bilangan Sebenar Pelajar Mengikut Sekolah dan Respon yang Berjaya Dikumpul	139
Jadual 3.5	Kaedah Analisis Data Kualitatif	146
Jadual 4.1	Konsensus Pakar terhadap Konstruk dan Operasional Instrumen	151
Jadual 4.2	Analisis Pekali Kappa bagi Konsensus Pakar terhadap Kejelasan Item Instrumen (draf pertama)	153
Jadual 4.3	Analisis Pekali Kappa bagi Konsensus Pakar terhadap Kejelasan Item Instrumen (draf kedua)	154
Jadual 4.4	Analisis Pekali Kappa bagi Konsensus Pakar terhadap Kejelasan Item Instrumen (draf ketiga)	155
Jadual 4.5	Maklumat Demografik Responden Kajian Rintis	158
Jadual 4.6	Respon oleh Responden	160
Jadual 4.7	Analisis Kebolehpercayaan Individu Kajian Rintis Pertama	160
Jadual 4.8	Analisis Kebolehpercayaan Item Kajian Rintis Pertama	161
Jadual 4.9	Analisis Dimensionaliti Kajian Rintis Pertama	162
Jadual 4.10	Analisis Korelasi Residual Item Kajian Rintis Pertama	163
Jadual 4.11	Analisis Kesesuaian Item Kajian Rintis Pertama	164
Jadual 4.12	Analisis Polariti Item Kajian Rintis Pertama	165
Jadual 4.13	Analisis Kebolehpercayaan Individu Kajian Rintis Kedua	168
Jadual 4.14	Analisis Kebolehpercayaan Item Kajian Rintis Kedua	168
Jadual 4.15	Analisis Dimensionaliti Kajian Rintis Kedua	170
Jadual 4.16	Analisis Korelasi Residual Item Kajian Rintis Kedua	170
Jadual 4.17	Analisis Kesesuaian Item Kajian Rintis Kedua	171
Jadual 4.18	Analisis Polariti Item Kajian Rintis Kedua	172

Jadual 4.19	Pengekalan dan Pengguguran Item Instrumen Selepas Dua Siri Kajian Rintis	173
Jadual 4.20	Perbandingan Dapatan Analisis Kajian Rintis Pertama dan Kedua	175
Jadual 4.21	Bilangan Responden berdasarkan Sekolah	177
Jadual 4.22	Jantina Responden	178
Jadual 4.23	Jantina Responden Mengikut Sekolah	178
Jadual 4.24	Bilangan Adik Beradik Responden	179
Jadual 4.25	Tahap Tertinggi Pendidikan Agama secara Formal	180
Jadual 4.26	Responden Tinggal Bersama	181
Jadual 4.27	Status Perkahwinan Ibu Bapa / Penjaga Responden	181
Jadual 4.28	Jenis Kawasan Petempatan Responden	182
Jadual 4.29	Anggaran Pendapatan Bulanan Keluarga Responden	182
Jadual 4.30	Pengamalan Solat Fardhu Berjemaah	183
Jadual 4.31	Analisis Kebolehpercayaan Individu	184
Jadual 4.32	Analisis Kebolehpercayaan Item Instrumen	185
Jadual 4.33	Indeks Kesukaran Item berdasarkan Logit	186
Jadual 4.34	Analisis Dimensionaliti	188
Jadual 4.35	Analisis Korelasi Residual Item	189
Jadual 4.36	Analisis Kesesuaian Item	190
Jadual 4.37	Analisis GDIF	192
Jadual 4.38	Indikasi Nilai Logit bagi Tahap Kesukaran Item dan Kemampuan Individu	193
Jadual 4.39	Tahap Kesukaran Item berdasarkan Nilai Logit dan Indikasinya	194
Jadual 4.40	Analisis Min Konstruk Keimanan	199
Jadual 4.41	Analisis Min Konstruk Ilmu Pengetahuan	200
Jadual 4.42	Analisis Min Konstruk Ibadah	201
Jadual 4.43	Analisis Min Konstruk Akhlak	203
Jadual 4.44	Analisis Min berdasarkan Subkonstruk	205
Jadual 4.45	Ringkasan Analisis Kajian Lapangan	207
Jadual 4.46	Kandungan Akhir Instrumen yang Diwartakan	208

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Konsep Kajian	86
Rajah 2.2	Model Pembangunan Instrumen McIntire dan Miller (2000)	98
Rajah 2.3	Model Pembangunan Instrumen Furr (2011)	101
Rajah 2.4	Model Kajian	105
Rajah 3.1	Pembahagian Fasa dan Kaedah Kajian	121
Rajah 3.2	Prosedur Kajian	134
Rajah 5.1	Model IKSIR	223

SENARAI SINGKATAN

AADK	-	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
AHIBS	-	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim
a.s.	-	' <i>alaih</i> <i>salam</i>
ATI	-	Akademi Tamadun Islam
CFIRST	-	Pusat Penyelidikan Fiqh, Sains dan Teknologi
D	-	anu untuk indeks diskriminasi item
DIF	-	Kebezaan Kefungsian Item
Dr.	-	Doktor
DSES	-	<i>Daily Spiritual Experience Scale</i>
EWB	-	Kesejahteraan Eksistensial
FSSH	-	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
GDIF	-	Kebezaan Kefungsian Item berdasarkan Jantina
IKSIR	-	Indeks Kesejahteraan Spiritual Islam Remaja
IMPAK	-	Imstrumen Penilaian Akhlak Pelajar
IQ	-	Kecerdasan intelek
IS	-	<i>Islamic Spirituality</i>
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNJ	-	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
JSI	-	Jasual Spesifikasi Instrumen
KAA	-	Kelas Aliran Agama
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KS	-	Kurang setuju
L	-	Lelaki
MNSQ	-	Min kuasa dua
m/s	-	Muka surat
P	-	Perempuan
P	-	Anu dalam statistic
PKUTM	-	Pusat Kesihatan Universiti Teknologi Malaysia
PM	-	Profesor Madya

PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
PSZ	-	Perpustakaan Sultanah Zanariah
PRZS	-	Perpustakaan Raja Zarith Sofea
PTMEA Corr.	-	Titik korelasi pengukuran
PT3	-	Penilaian Tingkatan Tiga
RWB	-	Kesejahteraan Agama
S	-	Setuju
SAW	-	<i>Spiritual At Workplace</i>
S.A.W	-	<i>Sallallahu 'Alaihi Wasalam</i>
SD	-	Sisihan piawai
SDEA	-	Sijil Darjah Enam Agama
SDKA	-	Sijil Darjah Khas Agama
SHALOM	-	<i>Spiritual Health and Life-Oriented Measure</i>
SIWB	-	<i>Spiritual Index of Well-Being</i>
SMKA	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMKTUN	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SRA	-	Sijil Rendah Agama
SS	-	Sangat setuju
STS	-	Sangat tidak setuju
SWBQ	-	<i>Spiritual well-Being Questionnaire</i>
SWBS	-	<i>Spiritual Well-Being Scale</i>
SWT	-	<i>Subhanahu Wa Taala</i>
TS	-	Tidak setuju
UNIMAS	-	Universiti Malaysia Sarawak
US	-	Amerika Syarikat
USM	-	Universiti Sains Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
WHCA	-	<i>White House Conference on Aging</i>
z-std	-	Piawaian-z

SENARAI SIMBOL

$\%$	-	Peratus
\pm	-	Lebih kurang
$>$	-	Lebih besar daripada
\geq	-	Sama dengan atau lebih besar daripada
$<$	-	Lebih kecil daripada
\leq	-	Sama dengan atau lebih kecil daripada
-	-	Hingga
∞	-	Infiniti

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Peta Kemampuan Individu - Kesukaran Item	257
Lampiran B	Jadual Pengukuran Tahap Kemampuan Individu	258
Lampiran C	Jadual Maklumat Demografik berdasarkan Nilai Logit Tahap Kemampuan Individu	262
Lampiran D	Indeks Kesejahteraan Spiritual Islam Remaja	280

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Remaja merupakan satu peringkat atau fasa dalam kehidupan manusia bermula pada usia 13 sehingga 20 tahun yang kompleks dan mencabar (Pulaski, 1970; Zanden, 2000). Ini disebabkan oleh pelbagai perubahan yang dialami oleh individu sama ada dari aspek fizikal, biologi, emosi mahupun kognitif. Perubahan dari aspek fizikal dapat dilihat menerusi pertambahan berat badan dan ketinggian, perubahan bentuk tubuh terutama pada bahagian dada, pinggang dan pinggul serta pertumbuhan bulu-bulu ari. Secara biologinya pula, individu mengalami perubahan dari aspek perembesan hormon yang mengakibatkan pertumbuhan jerawat, permulaan akil baligh serta perkembangan seksual.

Pada fasa remaja ini juga individu kadangkala mengalami kecelaruan emosi. Keadaan ini berlaku sekiranya individu tidak dapat menangani stres akibat perubahan mendadak yang dialaminya ketika menginjak usia remaja. Perubahan fizikal, biologi dan persekitaran yang drastik ini menyebabkan segelintir individu sukar atau lambat untuk menerima dan bertoleransi dengan perubahan-perubahan pada diri mereka sendiri. Ini sekaligus mengganggu perkembangan kognitif individu. Pada fasa remaja, individu mula membina konsep sendiri dengan membentuk jati diri, mempertingkatkan keyakinan dan kemampuan sendiri (*self-esteem*). Individu yang sukar atau gagal dalam membina konsep sendiri ini mengakibatkan mereka berasa seakan tidak berguna, terasing, tidak diperlukan oleh orang lain yang akhirnya mengakibatkan mereka menyendiri atau sengaja menjauhkan diri daripada orang lain. Keadaan ini akan merencat perkembangan kognitif merangkumi perkembangan pemikiran, perlakuan serta emosi individu secara negatif. Setiap apa yang dilihat, dialami dan dirasai oleh individu seumpama ini mendorong kepada prasangka atau tanggapan yang tidak baik terhadap orang lain sedangkan apa yang berlaku adalah

sebaliknya. Tambah memburukkan keadaan apabila individu yang terganggu perkembangannya pada peringkat remaja ini cenderung untuk terlibat dengan pelbagai masalah seperti jenayah untuk menarik perhatian orang lain terhadap mereka (Ab Alim dan Kamarulzaman, 2010; Azhar, 1999). Individu seumpama ini berasa senang atau dihargai sekiranya orang lain memberi perhatian kepadanya walaupun apa yang dilakukan adalah bercanggah dengan norma dan adat masyarakat (Abdul Ghalib, 2003).

Bagi menangani permasalahan yang timbul akibat gangguan dalam proses perkembangan remaja, keseimbangan dari aspek fizikal, biologi, emosi dan kognitif perlu diberi perhatian. Pelbagai pihak perlu memainkan peranan masing-masing. Ibu bapa terutamanya perlu memberi perhatian terhadap setiap perubahan yang dialami dan ditunjukkan oleh anak-anak dengan membimbing dan mendidik mereka supaya dapat bertoleransi dengan perubahan-perubahan tersebut secara baik. Setiap kesilapan perlu ditegur dengan penuh hikmah bukan dengan kekerasan (Abdullah Nasih, 1988). Pada peringkat ini, ibu bapa lebih sesuai memainkan peranan sebagai seorang sahabat supaya anak-anak berasa lebih dekat atau mesra dan mudah untuk berkongsi masalah. Ibu bapa juga lebih selesa untuk menyelami perasaan serta berkongsi pandangan dengan anak-anak (Ahmad dan Rijal, 2012).

Kaedah berkongsi masalah, pandangan dan perasaan yang diambil oleh ibu bapa serta pihak yang berkaitan seharusnya berlandaskan ajaran agama. Ini disebabkan setiap pendidikan yang berteraskan agama bertujuan mengukuhkan elemen dalaman atau spiritual individu (Abdullah Nasih, 1988; Ahmad dan Rijal, 2012). Pengukuhan spiritual yang diterapkan dalam setiap ajaran agama bukan sekadar berkaitan dengan kaedah untuk beribadah sebaliknya merupakan hikmah (ilmu) yang membentuk tatacara hidup (Moberg dan Brusek, 1978; al-Qaradhawi, 2004; Moberg, 2010). Ini disebabkan peranan spiritual sangat besar dalam mempengaruhi tingkah laku, kognitif dan afektif (Murray dan Nelson, 2006); intelektual, budaya serta interaksi interpersonal individu (Underwood dan Teressi, 2002). Justeru, proses pengukuhan spiritual individu memerlukan usaha yang berterusan; tidak terhenti apabila individu mencapai peringkat atau fasa tertentu dalam kehidupannya. Sebaliknya, setiap individu perlu berusaha untuk

mempertingkat tahap kemantapan dan kesejahteraan spiritual selari dengan kematangan kognitif dan psikologinya.

Kemantapan dan kesejahteraan spiritual yang diterapkan dalam setiap ajaran agama bermula dengan pengukuhan sistem keimanan atau keyakinan yang jitu terhadap konsep ketuhanan (akidah). Dalam Islam, beriman kepada Tuhan harus bermula dengan meyakini dan memperakui kewujudan, kekuasaan dan keagungan Allah SWT (Abdul Rahman, 2011a; 2011b). Ini dapat difahami menerusi teladan (sunnah) Rasulullah SAW yang memperdengarkan azan dan iqamah di kedua-dua belah telinga bayi yang baru dilahirkan. Hikmah perbuatan Rasulullah SAW ini bertujuan membina konsep keimanan kepada Allah SWT, di samping memperdengarkan ucapan yang baik-baik iaitu kalimah yang mengagungkan kebesaran Allah SWT kepada bayi yang baru sahaja lahir sebelum diperdengarkan dengan perkara lain yang ada kalanya bersifat melalaikan (Abdullah Nasih, 1988; Ahmad dan Rijal, 2012). Malah disarankan supaya sejak bayi dalam kandungan lagi telah diperdengarkan dengan perkara-perkara yang baik seperti nasihat, ucapan kasih sayang serta bacaan ayat-ayat suci al-Quran supaya emosi, kognitif, spiritual dan fizikalnya berkembang dengan baik (Ahmad dan Rijal, 2012).

Selari dengan perkembangan dan kematangan fizikal, kognitif serta psikologi individu, proses pengukuhan spiritual ini perlu dipergiat dari masa ke masa terutamanya ketika individu memasuki fasa remaja. Ini disebabkan oleh fitrah individu itu sendiri yang mula berkembang sifat inkuirinya terhadap agama (Imam al-Ghazali, 1982). Individu mencari dan cuba untuk mengenal Tuhan. Pada tahap ini, daya intelek individu bertindak merasional dan memperkukuh konsep keimanan kepada Tuhan yang dibina sejak kecil. Seterusnya, individu cuba untuk mendekati diri kepada Tuhan dengan beribadah dan bertingkah laku seperti mana yang dianjurkan agama. Agama dijadikan panduan serta tatacara hidup yang mematangkan individu secara holistik. Sehubungan itu, adalah penting untuk memastikan perkembangan individu yang seimbang dari aspek emosi, kognitif, afektif dan spiritual dari awal kerana mereka inilah modal dan aset negara yang sangat bernilai.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian terhadap aspek spiritual semakin mendapat perhatian para pengkaji dari pelbagai bidang sejak lebih dua dekad yang lalu (Ellison dan Fan, 2008; Underwood, 2011). Menurut Moberg (2010), ahli psikologi di Amerika mula memberi perhatian terhadap peranan spiritual ketika menjalankan kajian mereka bermula tahun 1980-an setelah sekian lama diabaikan. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada pengabaian aspek spiritual dalam ilmu psikologi Barat. Menurut Rulindo dan Mardhatillah (2011), tiga faktor utama yang mendorong kepada perkara tersebut ialah ketiadaan tradisi agama, sikap skeptisme para sarjana serta persepsi negatif masyarakatnya terhadap agama. Ketidadaan tradisi agama merupakan keadaan yang mana masyarakat Barat mengamalkan pelbagai agama. Maka berlaku proses asimilasi yang mana sukar untuk menentukan kedominanan sesuatu agama. Sikap skeptisme para pengkaji pula didorong oleh pembudayaan ilmu sekular yang diamalkan sejak sekian lama. Pemisahan antara ilmu sains dengan agama mendorong ahli psikologi kurang memberi tumpuan terhadap aspek agama dalam mempengaruhi psikologi manusia. Manakala faktor sikap negatif masyarakat Barat terhadap agama disebabkan oleh stereotaip pemikiran yang menyatakan bahawa agama adalah perkara yang sangat sensitif untuk dibincang secara terbuka. Tambahan pula, latar belakang agama para sarjana dan ahli masyarakat yang tiada pegangan agama (atheis) mendorong kepada ketidakfokusan dalam membincangkan hal berkenaan agama dan spiritual demi menjaga sensitiviti semua pihak (Gilligan dan Furness, 2006). Selain itu, para sarjana Barat turut bercanggah pendapat dalam membincangkan agama dan spiritual. Ini disebabkan terdapat sekelompok pengkaji yang berpandangan bahawa agama dan spiritual merupakan dua perkara berbeza. Sekelompok pengkaji yang lain pula berpendapat bahawa agama dan spiritual dua entiti berbeza namun saling berkaitan. Manakala sekelompok lagi berpendapat bahawa agama dan spiritual perlu dibincangkan secara seiringan (tiada pemisahan antara agama dan spiritual). Kepelbagaian pandangan mengakibatkan kajian berkaitan agama dan spiritual diabaikan (Moberg, 2010). Tambahan pula, agama dan spiritual dilihat sebagai perkara abstrak yang mustahil untuk diukur dan dibuktikan secara empirikal (Biswas-Diener, 2010).

Perkembangan kajian agama dan spiritual tidak kira dalam apa jua disiplin ilmu seperti perubatan, psikologi, kaunseling dan sebagainya memerlukan instrumen yang bersesuaian dengan skop kajian. Instrumen yang bersesuaian diperlukan supaya maklumat atau data yang diperolehi dapat diinterpretasikan dengan tepat (Salkind, 2006b; Biswas-Diener, 2010). Justeru, pelbagai instrumen yang mengukur spiritual dan agama dibangunkan supaya pengoperasionalnya selari dengan konteks kajian dan latar belakang pengkajinya (Underwood, 2011). Dewasa ini semakin banyak instrumen sedia ada yang mengukur agama dan spiritual mengalami proses Islamisasi. Pengislamisasian instrumen merupakan keadaan yang mana pengkaji Muslim mengubah istilah-istilah tertentu dalam instrumen untuk disesuaikan dengan konteks Islam. Sedangkan instrumen tersebut dibangunkan berdasarkan agama lain yang konsep akidahnya jelas sekali bertentangan dengan Islam. Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya penerokaan ilmu psikologi Islam oleh pengkaji Muslim sendiri (Naail, Ali dan Mohammed, 2011; Sarooj dan Sajjad, 2011). Memandang serius perkara ini, pengkaji berpendapat menjadi keperluan untuk membangunkan satu instrumen baru yang mengukur tahap kesejahteraan spiritual daripada perspektif Islam. Dalam kajian ini, pengkaji mengkhususkan penggunaan instrumen yang dibangunkan ini untuk golongan remaja memandangkan kajian terhadap kesejahteraan spiritual dalam kalangan remaja adalah terhad (Fariza, 2005; Khalim dan Wan, 2009).

Bagi membangunkan sesebuah instrumen, pembinaanya perlu mengenal pasti konstruk iaitu perkara yang akan diukur untuk menjawab isu yang ingin dikaji (Aikenhead dan Ryan, 1992). Dalam kajian ini, pengkaji menghurai pandangan, pendapat dan teori beberapa orang sarjana Islam lampau dan kontemporari untuk membina konsep kajian sekaligus menentukan konstruk instrumen. Hasil daripada kajian terhadap pandangan para sarjana Islam ini, pengkaji menetapkan bahawa tahap kesejahteraan spiritual dapat diukur dengan memberikan fokus kepada aspek pemahaman, penghayatan dan pelaksanaan individu terhadap empat perkara iaitu keimanan, ilmu pengetahuan, ibadah dan akhlak.

Konstruk keimanan diukur menerusi pemahaman, penghayatan dan pelaksanaan individu terhadap enam perkara yang termaktub dalam Rukun Iman

iaitu beriman kepada Allah SWT, malaikat, para nabi dan rasul, kitab-kitab, hari kiamat serta *qada'* dan *qadar*. Konstruk ilmu pengetahuan pula mengukur tahap pemahaman, penghayatan dan pelaksanaan terhadap ilmu secara umum. Tiada klasifikasi terhadap konsep ilmu dibuat bagi mengelakkan kekeliruan kepada sampel kajian. Konstruk ibadah pula mengukur pemahaman, penghayatan dan pelaksanaan ibadah wajib dan sunat yang dilakukan individu dalam kehidupan seharian. Dalam kajian ini, konteks ibadah wajib dihadkan kepada solat fardhu lima waktu sehari semalam dan puasa dalam bulan Ramadhan. Manakala konteks ibadah sunat dihadkan kepada solat sunat, puasa sunat, sedekah, zikir serta baca dan faham al-Quran. Pengehadan ini dilakukan supaya selari dengan kemampuan dan kesesuaian keadaan remaja yang merupakan kumpulan sasaran kajian. Konstruk akhlak pula dibangunkan berdasarkan pandangan Syaikh Muhammad (2009) yang mana sembilan subkonstruk dibangunkan untuk mengukur pelaksanaan atau tingkah laku individu. Sembilan subkonstruk tersebut ialah jujur, amanah, malu, berkata benar, berani, elok pertuturan, kerjasama dan tolong-menolong, pemurah, serta sopan santun dan penyayang.

Instrumen kesejahteraan spiritual yang dibangunkan dalam kajian ini dijalankan secara berperingkat yang melibatkan tiga fasa. Fasa pertama ialah mereka bentuk instrumen diikuti fasa pembangunan instrumen dan diakhiri dengan fasa pengesahan instrumen. Beberapa prosedur dan analisis data yang spesifik dijalankan pada setiap fasa. Profil tahap kesejahteraan spiritual responden kajian ini turut dilakar berdasarkan data yang diperolehi.

1.3 Pernyataan Masalah

Isu gejala sosial di kalangan remaja sangat membimbangkan. Ini dapat dilihat menerusi data statistik yang dikeluarkan oleh pelbagai agensi berkaitan. Misalnya, statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan mencatatkan sebanyak 320 kes penagih dadah dalam kalangan remaja berusia antara 13 hingga 17 tahun bagi tahun 2017 (Agensi Anti Dadah kebangsaan, 2018). Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia mengesan seramai 68321 orang daripada 1.9 juta

remaja yang merupakan pelajar sekolah menengah di seluruh negara adalah perokok bagi tahun 2018 (Sinar Harian, 2019). Manakala kajian oleh Institut Kesihatan Umum yang melibatkan pelajar di 212 buah sekolah menengah seluruh Malaysia mendapati seramai 27497 orang pelajar mempunyai pengalaman melakukan hubungan seks dengan 16.6 peratus daripadanya pernah melakukan hubungan seks dengan berlainan pasangan (Ahmad Sanusi, 2018).

Data statistik tersebut menunjukkan keseriusan tahap masalah gejala sosial dalam kalangan remaja di Malaysia. Pelbagai kaedah dan program dirangka dan dijalankan bagi mengekang permasalahan ini. Pelaksanaan program berbentuk pengukuhan spiritual menerusi penerapan nilai-nilai agama merupakan kaedah terbaik dalam menangani isu ini (Jas Laile, 2005; Fariza, 2005; Khalim dan Wan, 2009). Ini turut disokong oleh Cotton *et al.* (2005; 2006) yang menyatakan bahawa ketaatan terhadap ajaran agama seperti percaya kepada Tuhan dan kerap menghadiri rumah ibadah membantu proses perkembangan dan pementapan spiritual remaja. Selain itu, hasil kajian lepas turut membuktikan bahawa remaja yang mempunyai tahap spiritual yang tinggi cenderung untuk tidak terlibat dengan pelbagai aktiviti tidak sihat seperti pengambilan alkohol, dadah dan rokok (Ritt-Olson *et al.*, 2004; Pardini *et al.*, 2000); aktiviti seksual (Holder *et al.*, 2000); serta risiko depresi dan cubaan membunuh diri (Rasic, Kisely dan Langille, 2011; Perez, Little dan Henrich, 2009). Kajian yang dijalankan oleh Khalim dan Wan (2009) mendapati bahawa 80 peratus remaja yang bermasalah disiplin tegar tidak lagi terlibat dengan masalah disiplin dan menunjukkan peningkatan prestasi akademik yang sangat baik setelah dikenakan intervensi berbentuk pengukuhan spiritual berdasarkan perspektif Islam. Manakala kajian yang dijalankan Jas Laile (2005) mendapati bahawa 83 peratus remaja yang terlibat dalam aktiviti seks sebelum nikah adalah yang lemah pegangan agamanya.

Berdasarkan dapatan kajian-kajian tersebut, pegangan agama yang kukuh terbukti dapat membentuk spiritual sekaligus mengekang permasalahan sosial dalam kalangan remaja. Walau bagaimanapun, terdapat percanggahan pendapat antara sarjana Barat untuk memperakui peranan agama dalam membentuk spiritual yang sejahtera. Ini disebabkan sekelompok sarjana Barat beranggapan bahawa agama

hanyalah doktrin tentang sistem kepercayaan (keimanan) serta peraturan beribadah (Benson, 1997; Fisher 2011) yang mungkin ada atau tiada kaitan langsung dengan spiritual (Reig-Ferrer *et al.*, 2012). Manakala sekelompok lagi berpendapat bahawa spiritual dan agama bergerak seiring; agama membentuk spiritual dan spiritual disempurnakan oleh agama (Gomez dan Fisher, 2003; Fisher 2010; Fisher, 2011). Perbezaan pendapat terhadap konsep agama dan spiritual ini mendorong pengkaji Barat untuk terus membangunkan instrumen yang mengukur spiritualiti sehingga kini (Moberg, 2010).

Sehingga tahun 2002, sebanyak 126 instrumen spiritualiti telah dibangunkan (Brown, Johnson dan Parrish, 2007). Jumlah ini agak memberangsangkan memandangkan kajian berkaitan spiritual kembali mendapat perhatian ahli psikologi Barat sekitar tahun 1980-an (Ellison dan Fan, 2008) setelah sekian lama diabaikan (Moberg dan Brusek, 1978; Hamdani 2007). Menurut Moberg (2002), bilangan instrumen ini semakin bertambah dari masa ke masa supaya pengukuran spiritualiti yang dilakukan dapat dibuat secara holistik. Selain itu, setiap instrumen yang dibangunkan perlu bersifat unik dengan dimensi yang diukur perlu bertepatan dengan teori, objektif dan konteks kajian (Loewenthal, 2001; Chek Mat, 2007; Cohen dan Swerdlik, 2009; Coaley, 2010) serta praktikal dan ekonomik (Bertrand dan Cebula, 1980).

Instrumen spiritualiti yang dibangunkan pengkaji Barat mengadaptasikan perspektif pelbagai agama (Rulindo dan Mardhatillah, 2011) supaya bersifat universal (Fuller, 2012). Namun menurut Teresi dan Underwood (2002), kebanyakan instrumen tersebut dibangunkan daripada perspektif Judeo-Kristian. Hal ini menyebabkan pengkaji Muslim yang berminat untuk meneroka lapangan kajian ini perlu berhati-hati dalam memilih instrumen yang sesuai dengan akidah Islam serta konteks kajiannya (Naail, Ali dan Mohammed, 2011). Selain perbezaan konsep akidah, pengkaji Barat menjadikan agama sebagai dimensi yang diukur dalam menilai kesejahteraan spiritual. Misalnya, instrumen *Spiritual Well-being Scale* (SWBS) menjadikan dimensi agama sebagai salah satu daripada dua dimensi yang mengukur kesejahteraan spiritual. Dimensi agama diukur dengan menilai perasaan atau tanggapan individu kepada Tuhan (Syed Sohail *et al.*, 2009). Berbeza dengan instrumen Barat, instrumen yang mengukur spiritualiti daripada perspektif Islam

menjadikan agama sebagai asas dalam mengukur tahap kesejahteraan spiritual. Misalnya, instrumen *Islamic Spirituality* (IS) yang dibangunkan Naail, Ali dan Mohamed (2011) menjadikan konsep-konsep dalam Islam seperti keimanan kepada Allah, ibadah, zikir dan kemaafan sebagai dimensi. Ini menunjukkan bahawa penilaian kesejahteraan spiritual yang diukur lebih holistik; melibatkan pelaksanaan dan bukan perasaan semata-mata.

Ini disebabkan Islam berkaitan dengan keyakinan sebenar individu terhadap kebesaran, keagungan dan keesaan Allah SWT yang diakui menerusi lisan, hati (*iktikad*) dan perbuatan (Izutsu, 2002). Dengan kata lain, konsep keimanan kepada Allah SWT yang diajarkan Islam mendorong manusia untuk berasa takut (*khauf*) tetapi pada masa yang sama bergantung harap (*raja'*) hanya kepada Allah SWT dalam semua perkara yang seterusnya membentuk personaliti/peribadi (akhlak) serta nilai-nilai dalam hidup (Imam al-Ghazali, 1982). Ini disebabkan ajaran Islam bukan hanya doktrin berkaitan isu ketuhanan, metafizik dan ibadah, sebaliknya adalah cara hidup (*the way of life*) yang sejahtera (al-Qaradhawi, 2004). Islam adalah agama yang memperjelas serta membentuk matlamat dan hala tuju hidup manakala spiritual berperanan untuk mengenal, memahami, menghayati dan melaksanakan tuntutan agama ini. Namun, konsep spiritual dari perspektif Islam ini masih jauh ketinggalan akibat kurang usaha daripada sarjana Islam sendiri untuk mengembangkan konsep ini (Naail, Ali dan Mohamed, 2011; Sarooj dan Sajjad, 2011). Justeru, kajian ini adalah signifikan untuk menilai spiritualiti dengan lebih holistik seperti mana yang digariskan Islam dan bukan menjadikan Islam sebagai dimensi yang diukur. Kajian ini juga dapat membantu individu untuk mengenal dan membina jati dirinya sejak awal supaya perjalanan hidupnya kelak sesuai dengan norma agama dan masyarakat.

Kesimpulannya, menjadi satu keperluan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini yang bertujuan membangunkan instrumen yang mengukur tahap kesejahteraan spiritual Islam dalam kalangan remaja. Tahap kesejahteraan spiritual yang diukur berdasarkan pemahaman, penghayatan dan pelaksanaan terhadap konsep-konsep Islam; Islam bukan dimensi sebaliknya garis panduan yang membentuk dimensi kajian. Konsep dan konstruk kajian dibangunkan berdasarkan pandangan para sarjana Islam dengan pandangan Imam al-Ghazali menerusi kitab

Ihya' Ulumuddin menjadi rujukan utama. Justeru itu, instrumen yang dibangunkan ini membolehkan pengukuran spiritualiti ke atas golongan remaja Muslim yang lebih holistik dibuat.

1.4 Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan membangun dan mengesahkan instrumen yang mengukur tahap kesejahteraan spiritual dalam kalangan remaja berdasarkan perspektif Islam. Bagi mencapai matlamat utama ini, pengkaji terlebih dahulu perlu membina konsep kesejahteraan spiritual. Sehubungan itu, pengkaji mengkaji pandangan beberapa orang sarjana Islam yang membincangkan tentang spiritual dengan bersumberkan al-Quran dan hadith. Hasil penelitian serta analisis yang dijalankan ke atas pandangan para sarjana ini, konsep kesejahteraan spiritual kajian dirangka. Berdasarkan kerangka konsep kajian yang dibina, konstruk-konstruk yang mengukur tahap kesejahteraan spiritual dikenalpasti. Konstruk-konstruk tersebut ialah keimanan, ilmu pengetahuan, ibadah dan akhlak. Konstruk-konstruk ini dioperasikan menerusi beberapa subkonstruk dengan menilai tahap pemahaman, penghayatan serta pelaksanaan individu terhadap setiap subkonstruk. Pengoperasian setiap konstruk disesuaikan dengan kemampuan, perkembangan dan kematangan kognitif, emosi serta afektif kumpulan sasaran kajian iaitu golongan remaja.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah;

- i. Membina konsep kajian sekaligus menentukan konstruk Indeks Kesejahteraan Spiritual Islam Remaja (IKSIR) yang mengukur tahap kesejahteraan spiritual berdasarkan pandangan sarjana Islam.
- ii. Menganalisis darjah kebolehpercayaan dan kesahan IKSIR.

- iii. Menganalisis tahap kesejahteraan spiritual remaja.

1.6 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan perlu dijawab oleh pengkaji bagi memastikan setiap objektif kajian dapat dicapai. Objektif pertama kajian iaitu untuk membina konsep kesejahteraan spiritual yang seterusnya digunakan dalam pembinaan instrumen kajian, persoalan-persoalan berikut perlu dijawab pengkaji;

- Apakah konsep kesejahteraan spiritual menurut pandangan para sarjana Islam?
- Apakah konsep kesejahteraan spiritual kajian?
- Apakah konstruk IKSIR?

Bagi memenuhi objektif kedua kajian iaitu untuk menganalisis darjah kebolehpercayaan dan kesahan IKSIR, pengkaji perlu menjawab soalan-soalan berikut;

- Apakah darjah kebolehpercayaan responden?
- Adakah indeks pengasingan responden mencukupi berdasarkan standard pengukuran Rasch?
- Apakah darjah kebolehpercayaan item IKSIR?
- Adakah indeks pengasingan item IKSIR mencukupi berdasarkan standard pengukuran Rasch?
- Adakah IKSIR menunjukkan sifat unidimensi?
- Adakah item-item IKSIR bersesuaian menurut standard pengukuran Rasch?
- Adakah pengukuran Rasch mengesan item IKSIR yang bias terhadap jantina?

Persoalan-persoalan yang perlu dijawab pengkaji bagi memenuhi objektif untuk menganalisis tahap kesejahteraan spiritual remaja ialah;

- Apakah tahap kesukaran item IKSIR?
- Apakah tahap kesejahteraan spiritual responden mengikut standard pengukuran Rasch?
- Apakah tahap kemampuan responden berdasarkan konstruk dan subkonstruk?

1.7 Signifikan Kajian

Kajian ini dilihat dapat memberikan implikasi dari aspek ilmiah dan praktikal. Dari aspek ilmiah, konsep kesejahteraan spiritual Islam yang lebih luas dan holistik diperkenalkan dengan terbinanya konsep kesejahteraan spiritual Islam dalam kajian ini. Konsep kesejahteraan spiritual Islam yang dibina dalam kajian ini merupakan proses asimilasi daripada pelbagai sudut pandangan sarjana Islam. Penerokaan idea-idea sarjana Islam ini dapat dijadikan inspirasi dan dorongan oleh pengkaji Muslim yang lain dalam usaha memperkembangluaskan lagi ilmu psikologi Islam yang semakin tenggelam akibat kepesatan perkembangan ilmu psikologi Barat (Muhammad Utsman, 2001). Justeru, kajian ini dapat dijadikan platform kepada pengkaji lain serta masyarakat untuk memahami ilmu psikologi Islam. Kelak, ilmu psikologi bersifat lebih holistik tanpa bayangan budaya, nilai dan norma Barat diperkembangkan.

Menerusi kajian ini juga masyarakat dapat meneroka dan memahami fitrah spiritual manusia daripada perspektif Islam. Persoalan dan kekeliruan tentang apa, bila, mengapa dan bagaimana spiritual mempengaruhi kualiti hidup seharian dapat diperjelaskan dengan pembinaan konsep kesejahteraan spiritual kajian. Penjelasan dan pencerahan yang dibawa Islam ini adalah berdasarkan sumber yang kukuh iaitu al-Quran dan hadith. Di samping itu, masyarakat juga dapat meneroka beberapa kaedah untuk mencapai dan mengekalkan kesejahteraan spiritual seperti mana yang diajarkan Islam menerusi pembangunan instrumen kajian. Maka secara tidak langsung masyarakat mengerti akan keperluan dan kepentingan untuk mencapai spiritual yang sejahtera. Berdasarkan ilmu ini, masyarakat akan cuba untuk mengamalkan gaya hidup yang dianjurkan Islam dalam kehidupan seharian.

Sesungguhnya pengamalan ajaran Islam dalam kehidupan seharian menjamin kesejahteraan, keamanan dan kemaslahatan manusia sejagat (Khurshid, 1983; Hamzah, 2000; Haron *et. al*, 2003; al-Qaradhawi, 2004; Nik Aziz, 2013).

Dari aspek praktikal, dapatan kajian ini dapat mengenal pasti tahap kesejahteraan spiritual golongan remaja. Tahap kesejahteraan spiritual yang dikaji menerusi kajian ini dapat menentukan tahap kekuatan atau kelemahan golongan remaja terhadap aspek iman, ilmu pengetahuan, ibadah dan akhlak. Penguasaan remaja terhadap empat aspek tersebut dapat memberikan gambaran terhadap proses pemindahan pembelajaran (*transfer learning*) iaitu daripada memahami sesuatu konsep kepada menghayatinya untuk dimanifestasikan atau diamalkan dalam kehidupan seharian. Proses ini sangat penting bagi melahirkan modal insan yang sangat bermanfaat kepada negara (Rabiul *et al.*, 2016). Sehubungan itu, pihak yang berkuasa dalam membuat dan menggubal dasar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dapat merangka serta melaksanakan intervensi yang bersesuaian untuk membantu golongan remaja ini untuk mencapai sekaligus mempertingkatkan tahap kesejahteraan spiritual mereka secara produktif dan efektif. Selain itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga boleh menjadikan kajian ini sebagai garis panduan dalam merangka kempen-kempen kesihatan pada masa mendatang. Ini disebabkan kesihatan spiritual mempengaruhi kesihatan fizikal seperti yang telah dibuktikan oleh kajian-kajian lepas.

Pembangunan instrumen dalam kajian ini juga boleh menjadi alternatif kepada pengkaji lain dalam memilih instrumen yang bersesuaian dengan skop dan konteks kajian masing-masing khususnya pengkaji Muslim yang berminat untuk menjalankan kajian dalam lapangan ilmu ini. Selain itu, mereka juga boleh memperluaskan skop kajian dengan mempelbagaikan pembolehubah seperti mengkaji perkaitan antara tahap kesejahteraan spiritual dengan personaliti, pencapaian akademik, tekanan emosi, kesihatan mental, penglibatan dengan gejala sosial, keberkesannya dalam melahirkan modal insan dan sebagainya.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini fokus kepada tahap kesejahteraan spiritual Islam remaja. Pengkaji mengehendkan konteks remaja dalam kajian ini kepada individu yang berusia 16 tahun dan bersekolah di sekolah menengah kebangsaan agama di seluruh negeri Johor sahaja. Pengehadan ini bertujuan memudahkan pengkaji mengawal trait atau faktor seperti perkembangan kognitif, emosi, tingkah laku serta persekitaran yang dilihat berpotensi mempengaruhi tahap kesejahteraan spiritual responden. Walau bagaimanapun, instrumen akhir yang diwartakan boleh digunakan kepada golongan remaja Muslim secara keseluruhan.

Selain itu, konstruk dan subkonstruk instrumen yang dibangunkan pengkaji diasimilasikan sepenuhnya daripada pandangan sarjana Islam. Tiada gabungan pandangan antara sarjana Islam dan Barat dilakukan walaupun pada dasarnya Islam tidak menolak mana-mana ilmu selagi tidak bercanggah dengan akidah Islam (Ibn Hazm, 2004; Mohammad Kosim, 2008). Ini selari dengan objektif dan matlamat kajian untuk membangunkan konsep kesejahteraan spiritual berdasarkan perspektif Islam. Maka konsep kesejahteraan spiritual Islam yang dibangunkan dalam kajian ini adalah sepenuhnya bersumberkan al-Quran, sunnah dan ijtihad para *mu'allim*.

1.9 Definisi Konseptual dan Operasional

Pada bahagian ini, pengkaji membincangkan definisi konseptual dan operasional kajian ini.

1.9.1 Pembangunan dan Pengesahan Instrumen

Menurut Kaplan dan Succuzzo (2001), instrumen, skala, indeks, inventori dan seumpamanya merupakan alat pengukuran yang digunakan dalam ujian psikologi. Ujian psikologikal merupakan satu teknik untuk mengukur tingkah laku. Ini dapat

membantu ahli psikologi dalam memahami dan menjangkakan sesuatu tingkah laku. Selain itu, ujian psikologikal turut membantu ahli psikologi mengenalpasti perbezaan individu berdasarkan kemampuan dan personalitinya. Maka instrumen yang bersesuaian perlu dibangunkan untuk diaplikasikan dalam kajian supaya pengukuran yang dibuat adalah efisien (Chek Mat, 2008). Anastasi (1982) berpandangan bahawa pembangunan instrumen merupakan satu proses yang kompleks kerana pembinaannya perlu membangun, mengesah dan menyediakan manual sebelum instrumen sah untuk digunakan. McIntire dan Miller (2000) serta Furr (2011) pula menyatakan bahawa pembangunan instrumen merupakan suatu proses kerja berulang (back and forth) dimulai dengan proses kenal pasti konstruk, pengesahan dan pengujian instrumen yang diakhiri dengan penyediaan norma atau manual instrumen. Gable (1986) serta Gable dan Wolf (1993) menegaskan bahawa pembangunan instrumen ialah proses penjanaan item yang refleksi kepada konstruk dan dianalisis menerusi ujian statistik bagi mendapatkan darjah kebolehpercayaan dan kesahannya sebelum sah untuk kegunaan umum. Ringkasnya, pembangunan instrumen merupakan prosedur membina konstruk dan menjana item yang perlu disahkan oleh pakar manakala ujian analisis dijalankan bagi menentukan darjah kebolehpercayaan dan kebolegunaan instrumen tersebut.

Dalam kajian ini, instrumen yang dibangunkan dioperasikan menerusi empat konstruk iaitu keimanan, ilmu pengetahuan, ibadah dan akhlak. Item-item berkaitan dijana bagi membolehkan setiap konstruk diukur dengan efisien. Bagi mengesahkan instrumen yang dibangunkan, analisis statistik kebolehpercayaan item dan individu, indeks pengasingan item dan individu, dimensionaliti, kesesuaian item, kesukaran item dan kemampuan individu serta kebezaan kefungsiannya item berdasarkan jantina dijalankan dengan mengaplikasikan model pengukuran Rasch. Prosedur-prosedur yang berkaitan diulang sekiranya perlu sehingga darjah kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang baik diperolehi sebelum instrumen akhir diwartakan.

1.9.2 Kesejahteraan Spiritual

Sarjana Barat memberikan definisi kesejahteraan spiritual yang pelbagai. Paloutizan dan Ellison dalam Dailey *et al.* (2011) mendefinisikan kesejahteraan spiritual sebagai satu set kepercayaan dan nilai yang membentuk makna dan tujuan hidup serta hubungan antara manusia dan alam secara positif. Ellison dalam Ellison dan Fan (2008) mendefinisikan kesejahteraan spiritual sebagai kesihatan spiritual individu serta kematangannya secara berterusan. Manakala Hodge (2001) pula mendefinisikan kesejahteraan spiritual sebagai kualiti hubungan yang baik dengan Tuhan yang menggalakkan individu dalam membina matlamat dan melunaskan misi hidup. Underwood dan Teresi (2002) pula mendefinisikan kesejahteraan spiritual sebagai suatu perasaan atau pengalaman individu dalam kehidupan sehariannya terhadap satu kuasa yang tinggi yang merangkumi ritual keagamaan.

Walau bagaimanapun, sarjana Islam mempunyai definisi kepada konsep kesejahteraan spiritual yang lebih mantap dan holistik. Menurut Seyyed Hossein (1987), kesejahteraan spiritual ialah suatu perasaan tenang atau barakah yang dirasai individu hasil daripada berpegang teguh dengan tauhid Allah SWT serta menjalani kehidupan hariannya berdasarkan perintah Allah SWT. Ibn Hazm (2004) pula menyatakan bahawa kesejahteraan spiritual hanya dapat dimiliki menerusi pengabdian diri kepada Allah SWT dengan cara menjalankan ibadah kepada-Nya kerana cintakan-Nya. Hamka (2010) pula mendefinisikan kesejahteraan spiritual sebagai kemanisan atau nikmat hidup yang diraih hasil daripada kesepaduan antara iman yang kukuh dengan amal soleh yang khushyuk dan ikhlas kepada-Nya dengan roh amal soleh tersebut memberi dimensi baru terhadap kualiti hubungan antara individu terhadap dirinya sendiri, masyarakat dan persekitarannya. Manakala Imam al-Ghazali (1982) pula menegaskan bahawa individu yang berakhlak mulia adalah hasil daripada dalamannya (spiritual) yang sejahtera.

Dalam kajian ini, kesejahteraan spiritual yang dimaksudkan pengkaji ialah perasaan aman, tenang dan bahagia yang dirasai oleh individu dalam menjalani kehidupan sehariannya walaupun terdapat kesukaran dan halangan. Menerusi kajian ini, pengkaji berminat untuk menilai tahap kesejahteraan spiritual individu.

Sehubungan itu, pengkaji menjalankan penilaian berdasarkan aspek pemahaman, penghayatan dan pelaksanaan individu terhadap empat konstruk iaitu keimanan, ilmu pengetahuan, ibadah dan akhlak. Setiap konstruk ini terdiri pula daripada beberapa subkonstruk seperti dibincangkan pada subtopik yang seterusnya.

1.9.3 Keimanan

Iman dari sudut bahasa bererti kepercayaan secara iktikad dalam hati, perkataan secara lisan dan perbuatan dengan anggota badan (Syekh Hafizh, 1999). Manakala dari sudut istilah iman membawa maksud membenaran dalam hati, lisan dan anggota badan terhadap penetapan enam perkara iaitu beriman kepada Allah SWT, beriman kepada para malaikat, beriman kepada kitab-kitab Allah SWT, beriman kepada para rasul, beriman kepada hari kiamat, dan beriman kepada ketetapan Allah SWT (Ibnu Amrullah, 2012). Imam Bukhari dalam Abu Ahmad (2010) dan Izutsu (2002) menegaskan bahawa iman merupakan asas dalam Islam yang membentuk kehidupan manusia. Manakala Sayid Sabiq (1997) pula menyatakan bahawa iman merupakan roh kehidupan. Roh kehidupan ini memberi kebahagiaan apabila dipegang kukuh sebaliknya lemah apabila individu konsisten dalam melakukan maksiat (Syekh Hafizh, 1999).

Dalam kajian ini, pengukuran konstruk keimanan dijalankan berdasarkan enam subkonstruk. Enam subkonstruk tersebut merupakan enam perkara yang termaktub dalam Rukun Iman iaitu keimanan kepada Allah SWT, para malaikat, para nabi dan rasul, kitab-kitab, hari kiamat serta *qada'* dan *qadar* Allah SWT. Setiap subkonstruk ini dinilai berdasarkan tahap pemahaman, penghayatan dan pelaksanaan individu terhadap kesemua enam subkonstruk tersebut.

1.9.4 Ilmu Pengetahuan

Ilmu ialah pengetahuan terhadap sesuatu perkara (Abu Ahmad, 2010); yang bersifat halus, terletak di hati dan akal yang membolehkan manusia membezakan

antara yang benar dan palsu (Imam al-Ghazali, 1982). Ibn Hazm (2004) menyatakan bahawa ilmu pengetahuan yang sebenar (hak) merupakan medium yang mendekatkan manusia dengan Allah SWT serta menjamin kesempurnaan ibadah. Zakaria (2001) menambah bahawa ilmu terulung adalah yang didasari oleh wahyu Allah SWT iaitu bersumberkan al-Quran. Ilmu yang bersumberkan al-Quran adalah sempurna serta menjadi petunjuk kepada manusia daripada sebarang bentuk penyelewengan (al-Baqarah, 2:2). Imam al-Ghazali (1982) membahagikan ilmu kepada dua jenis iaitu ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Pembahagian ilmu ini turut disepakati oleh sarjana Islam lain walaupun terdapat segelintir yang berselisih pendapat dari segi kandungan ilmu tersebut (Noor Hisham, 2011). Imam al-Ghazali (1982) mendefinisikan ilmu fardhu ain sebagai ilmu yang berasaskan wahyu dan wajib dituntut kerana ia berkaitan dengan kesempurnaan agama. Manakala ilmu fardhu kifayah ialah ilmu yang dapat dicerap menerusi logik akal dan tidak wajib untuk dituntut oleh semua orang sekiranya terdapat ahli dalam masyarakat yang mendalaminya demi menjaga kemurnian Islam seperti ilmu perubatan, matematik dan lain-lain.

Mohammad Kosim (2008) menegaskan bahawa ilmu sangat penting dan perlu sentiasa dituntut tanpa mengira jenis ilmu tersebut kerana Allah SWT memerintahkan manusia untuk menuntut ilmu seperti dalam firman-Nya dalam surah al-'Alaq (96:1-5), an-Nahl (16:43), at-Taubah (9:122). Individu yang menuntut ilmu turut diangkat darjatnya di sisi Allah SWT (al-Mujadalah, 58:11). T.M Hasbi (1973) menyimpulkan bahawa ilmu yang hak sama ada ilmu fardhu ain mahupun fardhu kifayah bertujuan memperkukuh dan mempertingkatkan keimanan individu kepada Allah SWT di samping memenuhi tujuan penciptaan akal (iaitu yang membezakan antara manusia dan makhluk Allah SWT yang lain). Menerusi ilmu juga manusia memelihara diri dari terseleweng, dapat melaksanakan ibadah dengan betul dan khusyuk serta membentuk akhlak mulia.

Dalam kajian ini, konstruk ilmu pengetahuan diukur berdasarkan tahap pemahaman, penghayatan serta pelaksanaan individu terhadap konsep ilmu secara umum. Dalam kajian ini, tiada pembahagian atau pengelasan ilmu sama ada ilmu fardhu ain atau kifayah dilakukan. Ini bagi mengelakkan kekeliruan kepada

responden ketika memberikan respon mereka. Pengukuran terhadap aspek pemahaman dan penghayatan ilmu pengetahuan dinilai dengan melihat pemahaman dan bagaimana remaja mengamalkan atau mempraktikkan ilmu yang dimiliki. Manakala pengukuran terhadap aspek pelaksanaan ilmu pengetahuan dalam kajian ini dilakukan dengan menilai kesungguhan responden untuk mempelajari dan menyebarkan ilmu yang dimiliki.

1.9.5 Ibadah

Imam al-Ghazali (2000) mendefinisikan ibadah sebagai satu bukti pengabdian hamba kepada Penciptanya yang melibatkan pergerakan tertentu. Syekh Hafizh (1999) pula mendefinisikan ibadah sebagai perkataan dan perbuatan sama ada dilakukan secara zahir atau batin yang dicintai lagi diredhai Allah SWT. T.M. Hasbi (1973) mendefinisikan ibadah sebagai simbolik pengakuan oleh manusia terhadap keagungan Allah SWT serta mengakui kelemahan diri sebagai hamba-Nya. Beliau turut mengklasifikasikan ibadah kepada dua iaitu ibadah khusus dan umum. Ibadah khusus ialah ibadah yang diwajibkan ke atas setiap manusia seperti yang terangkum dalam Rukun Islam iaitu mengucapkan syahadah, solat lima waktu sehari semalam, puasa sepanjang bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat serta menunaikan haji. Kewajiban menunaikan ibadah ini dirakamkan Allah SWT beberapa kali dalam al-Quran antaranya dalam surah al-Ankabut (29:45), al-Baqarah (2:183; 196), dan at-Taubah (9:11). Manakala ibadah umum merupakan amal kebajikan atau amalan soleh yang dilakukan untuk mendekatkan diri dan mendapatkan keredhaan Allah seperti yang dinyatakan Allah dalam surah al-Baqarah (2:139; 265), an-Nisa' (4:125; 146) dan al-'Araf (7:29). Ibadah umum ini tidak wajib dilaksanakan tetapi pelaksanaanya dapat menampung kekurangan dalam ibadah khusus (Imam al-Ghazali, 1982; Ibnu Amrullah, 2012). Kesimpulannya, ibadah merupakan satu bentuk manifestasi penghambaan atau penyerahan diri sepenuhnya oleh manusia kepada Allah SWT berlandaskan iman dan ilmu dengan tujuan mencapai keredhaan-Nya.

Dalam kajian ini, pengkaji mengukur konstruk ibadah menerusi aspek pemahaman, penghayatan dan pelaksanaan terhadap ibadah wajib dan sunat. Bagi

mengelakkan kekeliruan responden, pengkaji menghadkan konteks ibadah wajib kepada solat fardhu dan puasa di bulan Ramadhan. Konteks ibadah sunat pula dihadkan kepada amalan membaca dan faham al-Quran, zikir, solat dan puasa sunat serta sedekah. Penilaian terhadap aspek pemahaman dan penghayatan dalam konstruk ibadah adalah berdasarkan perasaan ikhlas, khusyuk, serta tenang atau dekat dengan Allah SWT apabila melaksanakan ibadah sama ada yang wajib mahupun yang sunat. Aspek pelaksanaan ibadah pula diukur berdasarkan kesungguhan serta kemampuan responden untuk melaksanakan sesuatu ibadah.

1.9.6 Akhlak

Miskawayh dalam Mohd. Nasir (2010) mendefinisikan akhlak sebagai situasi yang terjana dalam diri seseorang yang mana situasi tersebut merupakan dimensi spiritual yang sangat penting kerana ia menjadi punca kepada semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia. Akhlak merupakan kebiasaan yang terdapat dalam diri manusia yang dizahirkan dalam bentuk tingkah laku (Imam al-Ghazali, 1982). Akhlak merangkumi perkataan dan perbuatan manusia sama ada yang zahir mahupun yang batin; penentuan batas antara baik dan buruk tatacara pergaulan serta yang menentukan tujuan terakhir setiap usaha dan pekerjaan manusia (Hamzah, 1978). Akhlak adalah satu bentuk kebajikan iaitu perbuatan yang mendatangkan ketenangan dan keharmonian kepada jasad dan spiritul individu (Ibnu Amrullah, 2012). Kesimpulannya, akhlak ialah situasi spiritual yang menjadi pencetus kepada tingkah laku individu.

Konstruk akhlak dalam kajian ini diukur menerusi sembilan subkonstruk seperti yang dicadangkan oleh Syaikh Muhammad (2001). Beliau menyenaraikan sembilan jenis akhlak yang menjadi asas kepada setiap individu. Sembilan jenis akhlak tersebut ialah jujur, amanah, malu, berkata benar, berani, elok pertuturan, kerjasama dan tolong menolong, pemurah, serta sopan santun dan penyayang. Pengukuran sembilan subkonstruk ini dibuat berdasarkan aspek pelaksanaannya. Ini disebabkan akhlak atau tingkah laku individu merupakan tindakan yang terzahir hasil

daripada ketiga-tiga konstruk kesejahteraan spiritual yang dibangunkan dalam kajian ini iaitu keimanan, ilmu pengetahuan dan ibadah.

1.9.7 Remaja

Remaja merujuk kepada tempoh peralihan dari zaman kanak-kanak kepada dewasa yang bermula apabila individu mencapai akil baligh disertai pelbagai perubahan dari aspek fizikal, biologi, emosi dan kognitif (Fariza, 2005; Owens, 2002); serta kematangan dalam hubungan sosial (Steinberg, 1996). Azhar (1999) dan Shek (2012) menambah bahawa individu mula membentuk identiti, ideologi dan matlamat hidupnya pada peringkat remaja. Peringkat remaja merupakan peringkat yang mana individu berada dalam fasa peralihan dari peringkat kanak-kanak iaitu sekitar usia 13 tahun dengan mengalami pelbagai perubahan pesat dari aspek fizikal, biologi mahupun psikologi dan perkembangan ini mulai perlahan ketika individu mula memasuki peringkat dewasa iaitu ketika mencapai usia 19 tahun (Zanden, 2000).

Dalam kajian ini, golongan remaja merupakan kumpulan sasaran kajian. Namun disebabkan populasi kumpulan sasaran yang terlalu besar, pengkaji mengaplikasikan kaedah persampelan kluster. Dengan mengaplikasikan kaedah persampelan ini, pengkaji menetapkan golongan remaja yang bersekolah di sekolah menengah kebangsaan agama di seluruh negeri Johor dijadikan sampel kajian. Mengambil kira permintaan pihak sekolah yang terlibat, pengkaji mengecilkan lagi skop kumpulan sasaran kepada hanya melibatkan pelajar tingkatan empat sahaja. Pemilihan ini membolehkan pengkaji mengawal trait responden dari aspek tahap kematangan emosi, kognitif dan sosialnya di samping persekitaran persekolahan yang hampir sama. Selain itu, kaedah persampelan membantu pengkaji dalam menangani isu kekangan masa dan wang.

1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji menjelaskan keseluruhan perjalanan kajian secara ringkas. Latar belakang kajian membincangkan proses kajian pembangunan dan pengesahan instrumen yang mengukur tahap kesejahteraan spiritual remaja menurut perspektif Islam. Permasalahan dan justifikasi pengkaji untuk menjalankan kajian ini dijelaskan dalam pernyataan masalah, manakala persoalan, matlamat dan objektif kajian pula menentukan hala tuju kajian ini. Seterusnya, pengkaji menghuraikan signifikan kajian dari aspek teoritikal dan praktikal. Secara teorinya, kajian ini berperanan dalam mengembangkan ilmu psikologi Islam yang masih kurang diterokai walaupun oleh ahli psikologi muslim sendiri. Manakala secara praktikalnya, kajian ini menghasilkan instrumen yang dapat mengukur tahap kesejahteraan spiritual remaja secara holistik di samping membantu penggubal polisi dalam merangka dan melaksanakan intervensi yang bersesuaian supaya dapat memperkukuh dan mempertingkatkan tahap kesejahteraan spiritual remaja pada masa hadapan. Akhir sekali, pengkaji turut membincangkan batasan kajian serta definisi konseptual dan operasional pemboleh ubah kajian.

RUJUKAN

- Abdullah Muhammad. (2004). *Tafsir Ibnu Katsir*. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1988). *Pendidikan Anak-anak Menurut Islam (jilid 2)*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Abdullah Yusuf Ali. (1975). *The Glorious Qur'an: Translation and Commentary*. USA: The Muslim Students' Assosiation.
- Abdul Ghalib Ahmad Isa. (2003). *Motivasi Remaja Cemerlang: Membina Generasi Berakhlak*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Abdul Hamid Siddiqui. (1983). Pemberian Islam kepada Umat Manusia dalam *Pesan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka. p.249-275.
- Abdul Mujib. (1999). *Fitrah dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologi*. Jakarta: Darul Falah.
- Abdul Rahman Abd Majeed. (2011 a). *30 Cetusan Kalbu Imam Bukhari: Umat Akhir Zaman*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Abdul Rahman Abd Majeed. (2011 b). *30 Cetusan Jiwa Imam Muslim: Umat Akhir Zaman*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Abdul Rahman Abd Majeed. (2011 c). *30 Cetusan Minda Imam Al-Ghazali: Umat Akhir Zaman*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Ab Alim Abdul Rahim dan Kamarulzaman Kamaruddin. (2010). *Psikologi Bilazim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Ahmad Yasin. (2010). *Wasiat Empat Imam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Abu Bakar Abdul Majeed. (1999). *Perubatan Pencegahan – Asas Perubatan Islam dalam Perubatan Pencegahan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: IKIM. p.1-20.
- Abu Muslim. (2010). *Masalah Roh, Kejiwaan dan Konflik Jiwa dalam 1001 Pertanyaan Soal Jawab Agama*. Malaysia: Marshall Cavendish (Malaysia) Sdn, Bhd.
- Abu Qamar Salahuddin. (2004). *Empat Puluh Akhlak yang Mengubah Dunia*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man..
- Adibah Abdul Latif. Pembangunan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Tesis PhD. UTM; 2013.
- Adnan Syarif. (2003). *Psikologi Qurani*. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2018). *Maklumat Dadah 2017*. Capaian <https://www.aadk.gov.my>.
- Ahmad Asri Lubis dan Rijal Mahdi Tanjung. (2012). *Cakna Remaja: Pencegahan Awal Kenakalan Remaja*. Batu Caves: Yamani Angels Sdn. Bhd.
- Ahmad Sanusi Azmi. (2018). *Seks dan Remaja: Statistik yang Membimbangkan*. Capaian <https://www.ismaweb.net/2018/08/27/seks-dan-remaja-statistik-yang-membimbangkan/>

- Ahmad Syauqi Ibrahim. (2013). *Bila Roh Ditiupkan ke Dalam Tubuh Manusia?* Selangor: Jasmin Publication.
- Aiken, L.R. dan Groth-Marnat, G. (2006). *Psychological Testing and Assessment (12th edition)*. Boston: Pearson Education Group, Inc.
- Aikenhead, G.S. dan Ryan, A.G. (1992). The Development of a New Instrument: Views on Science-Technology-Society (VOSTS). *Science Education*. 76(5). 477 – 491.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (2004). *Konsep Islam: Solusi Utama bagi Umat*. Jakarta: Senayan Abadi Publishing.
- Allahbakhsh K.B. (1987). The Spiritual Dimension of Prayer dalam *Islamic Spirituality*. London: Routledge and Kegan Paul. p.131 – 143.
- AlMarria, T.S.K, Oeia, T.P.S. dan Al-Adawi, S. (2009). The development of the Short Muslim Practice and Belief Scale. *Mental Health, Religion & Culture*. 12(5). p.415–426.
- Anastasi, A. (1982). *Psychological Testing (5th edition)*. New York: Macmillan Publishing Co., Inc.
- Ashmos D.P dan Duchon D. (2000). Spiritualitu at Workplace: A Conceptualization and Measure. *Journal of Management Inquiry*. 9. p.134 – 145.
- Azhar Mohd. Zain. (1999). Perubatan Pencegahan Peringkat Remaja – Minda Teguh Watak Kukuh dalam *Perubatan Pencegahan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: IKIM. p.67-88.
- Azrilah Abdul Aziz. (2012). *Asas Model Rasch: Pembentukan Skala dan Struktur Pengukuran*. Bangi: Penerbit UKM.
- Azrilah Abdul Aziz, Azlinah Mohamed, Noor Habibah Arshad, Sohaimi Zakaria dan Mohd Saidfudin Mosadi. (2007). Appraisal of Course Learning Outcomes Using Rasch Measurement: A Case Study in Information Technology Education. *International Journal of Systems Applications, Engineering and Development*. 1(4). p.164 – 172.
- ‘Abdul Rosyad Siddiq. (2010). *Ringkasan Ihya’ Ulumiddin*. Puchong: Berlian Publication Sdn. Bhd.
- Bambang Sumintono dan Wahyu Widhiarso. (2014). *Aplikasi Model Rasch Untuk Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial*. Cimahi: Trim Komunikata Publishing House.
- Bekelman, D.B., Dy, S.M., Becker, D.M., Wittstein, I.S., Hendricks, D.E., Yamashita, T.E. dan Gottlieb, S.H. (2007). Spiritual Well-Being and Depression in Patients with Heart Failure. *Society of General Internal Medicine*. 22. p.470 – 477.
- Benson, P. (1997). Spirituality and the Adolescent Journey. *Reclaiming Children and Youth*. 5(4). p.206 – 209.
- Bertrand, A. dan Cebula, J.P. (1980). *Tests, Measurement, and Evaluation: A Developmental Approach*. Massachusetts: Addison-Wesley Publishing Company.
- Bond, T.G. dan Fox, C.M. (2007). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Science (2nd edition)*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

- Boswell, G.H., Kahana, E. dan Anderson, P.D. (2006). Spirituality and Healthy Lifestyle Behaviors: Stress Counter-Balancing Effects on the Well-Being of Older Adults. *Journal of Religions and Health*. 45(4). p.587 – 602.
- Brown, D.R., Johnson, E.P. dan Parrish, M.S. (2007). *Spirituality Assessments: Limitations and Recommendations*. VISTAS (2007) Online. Capaian <http://counselingoutfitters.com/vistas/vistas07/Brown.htm>
- Brown, F.G. (1983). *Principles of Educational and Psychological Testing*. New York: CBS College Publishing.
- Bryman, A. dan Bell, E. (2010). *Business Research Method (3rd edition)*. Oxford: Oxford Universiti Press.
- Carter, P. dan Russell, K. (2003). *More Psychometric Testing*. West Sussex: John Wiley & Sons Ltd.
- Casement, A. (2001). *Carl Gustav Jung*. SAGE Publications: London.
- Chek Mat. (2008). *Ujian Psikologi dan Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Coaley, K. (2010). *An Introduction to Psychological Assessment and Psychometrics*. London: Sage Publications Ltd.
- Cohen, R.J. dan Swerdilk, M.E. (2009). *Psychological Testing and Assessment: An Introduction to Test and Measurement (7th edition)*. New York: McGraw-Hill Higher Education.
- Cotton, S., Larkin, E., Hoopes, A., Cromer, B.A dan Rosenthal, S.L (2005). The Impact of Adolescent Spirituality on Depressive Symptoms and Health Risk Behaviors. *Journal of Adolescent Health*. 36(2005). p.529.e7 – 529.e14.
- Cotton, S., Zebracki, K., Rosenthal, S.L., Tsevat, J. dan Drotar, D. (2006). Religion/Spirituality and Adolescent Health Outcomes: A Review. *Journal of Adolescent Health*. 38(2006). 472 – 810.
- Cozby, P.C. (2009). *Methods in Behavioral Research (10th edition)*. USA: McGraw Hill.
- Cozby, P.C. (2005). *Methods in Behavioral Research (9th edition)*. USA: McGraw Hill
- Creswell, J.W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches (3rd edition)*. California: Sage Publications.
- Cronbach, L.J. (1970). *Essentials of Psychological Testing (3rd edition)*. New York: Harper & Row, Publishers.
- Daaleman, T.P., Frey, B.B., Wallace, D. dan Studenski, S.A. (2002). The Spirituality Index of Well Being Development and Testing of a New Measure. *Journal of Family Practice*. 51(11). p.00-00.
- Daaleman, T.P. dan Frey, B.B. (2004). The Spirituality Index of Well-Being: A New Instrument for Health-Related Quality-of-Life Research. *Annals of Family Medicine*. 2(5). p.499 – 502.
- Dailey, S. F., Curry, J. R., Harper, M. C., Hartwig-Moorhead, H. J., & Gill, C. S. (2011). Exploring the spiritual domain: Tools for integrating spirituality and religion in counseling. Cpaian daripada http://counselingoutfitters.com/vistas/vistas11/Article_99.pdf

- Dalkey, N. C. (1969). The Delphi Method: An Experimental Study of Group Opinion; disediakan untuk United State Air Force Project RAND, Santa Maria. Capaian daripada http://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/research_memoranda/RM5888/RM5888.pdf
- Dorman, J.P. dan Knightley, W.M. (2006). Development and Validation of an Instrument to Assess Secondary School Students Perceptions of Assessment Task. *Educational Studies*. 3(1). p.47 – 58..
- Eid, M. dan Diener, E. (2006). *Handbook of Multimethod Measurement in Psychology*. Washington DC: American Psychological Association.
- Ellison C.G. dan Fan, D. (2007). Daily Spiritual Experiences and Psychological Well-Being among US Adult. *Social Indirect Resources*. 88. p.247 – 271.
- Elmes, D.G., Kantowitz, B.H., dan Roediger, H.L. (2006). *Research Methods in Psychology (8th edition)*. Belmont: Thomson Wadsworth.
- Evans, A.N. dan Rooney, B.J. (2008). *Methods in Psychological Research*. London: Sage Publications Ltd.
- Fariza Md. Sham (2005). Tekanan Emosi Remaja Islam. *Islamiyyat*. 27 (1). p.3- 23.
- Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abas, dan Ng Siew Cheok. (2008). *Solat: Kebaikan dari Perspektif Sains*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Field, J. (2009). Well-being and Happiness: IFLL Thematic Paper 4. Capaian daripada <http://www.niace.org.uk/lifelonglearninginquiry/docs/IFLL-wellbeing.pdf>
- Fisher, J.W. (2011). The Four Domain Model: Connecting Spirituality, Health and Well Being. *Religions*. 2. p.17 – 25.
- Fisher, J.W. (2010). Development and Application of a SWBQ Called SHALOM. *Religions*. 1. p.105 -121.
- Fisher, J.W. dan Gomez R. (2003). Domains of Spiritual Well Being and Development and Validation of SWBQ. *Personality and Individual Differences*. 35. p.1975 – 1991.
- Francis, L.J., Abdullah Sahin dan Fahad al-Failakawi. (2009). Psychometric Properties of Two Islamic Measures among Young Adults in Kuwait: The Sahin-Francis Scale of Attitude toward Islam and the Sahin Index of Islamic Moral Values. *Journal of Muslim Mental Health*. 3. p.9 - 24.
- Fry, L.W., Hannah, S.T., Noel, M., dan Walumbwa, F.O. (2011). Impact of Spiritual Leadership on Unit Performance. *The Leadership Quarterly*. 23. p.259 – 270.
- Fuller, G.E, (2012). *A World Without Islam*. New York: Back Bay Books.
- Furr, R.M. (2011). *Scale Construction and Psychometrics for Social and Personality Psychology*. London: Sage Publications Ltd.
- Gable, R.K. (1986). *Instrument Development in the Affective Domain*. Boston: Kluwer-Nijhoff Publishing.
- Gable, R.K dan Wolf, M.B. (1993). *Instrument Development in the Affective Domain: Measuring Attitudes and Values in Corporate and School Settings (2nd edition)*. Boston: Kluwer Academic Publishers.

- Gall, T.L., Kristjansson, E., Charbounneau, C. dan Florack, P. (2009). A Logitudinal Study on the Role of Spirituality in Response to the Diagnosis and Treatment of Breast Cancer. *Journal Behaviour Health*. 32. p.174 – 186.
- Gilligan, P. dan Furness, S. (2006). The Role of Religion and Spirituality in Social Work Practice: Views and Experiences of Social Workers and Students. *Journal of Social Work*. 36. p.617 – 637.
- Gomez, R. dan Fisher, J.W. (2003). Domains of Spiritual Well-Being and Development and Validation of the Spiirtual Well-Being Questionnaire. *Personality and Individual Differences*. 35. p.1975 – 1991.
- Graham, J.R. dan Lilly, R.S. (1984). *Psychological Testing*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Hall T.W. dan Edwards K.J. (2002). The Spiritual Assessment Inventory: A Theistic Model and Measure for Assessing Spiritual Development. *Journal for the Scientific Study of Religion*. 42 (2). p.341 – 357.
- Hamdani Bakran Adz-Dzakiey. (2007). *Psikologi Kenabian: Menghidupkan Potensi dan Keperibadian Kenabian dalam Diri*. Yogyakarta: Al-Manar.
- Hamka. (1983). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Hamka. (1997). *Fakta-fakta Tafsir Al-Azhar Juzu' 1 Hingga 30*. Johor Bahru: Badan Cemerlang Sdn. Bhd.
- Hamka. (2010). *Kesepaduan Iman dan Amal Soleh*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hamzah Ya'qub. (1978). *Etika Islam: Pokok-pokok Kuliah Ilmu Akhlaq*. Jakarta: C.V. Publicita.
- Hamzah Ya'kub. (2000). *Tingkah Ketenangan dan Kebahagiaan Mu'min*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Hardy, S.A dan Raffaelli, M. (2003). Adolescent Religiosity and Sexuality: An Investigation of Reciprocal Influences. *Journal of Adolescence*. 26. p.731 – 739.
- Haron Din, Hassan Salleh, Sulaiman Yasin dan Sidi Ghazalba. (2003). *Manusia dan Islam (edisi khas)*. Bangi: Penerbit UKM Press.
- Hefferon, K dan Boniwell, I. (2011). *Positive Psychology: Theory, Research and Applications*. England: McGraw Hill Open University Press.
- Hill, P.C, Pargament, K.I, Hood, Jr. R.W, McCullough M.E, Swyers J.P, Larson, D.B dan Zinnbauer, B.J. (2000). Conceptualizing Religion and Spirituality: Points of Commonality, Points of Departure. *Journal for the Theory of Social Behaviour*. 30(1). p.51 – 77.
- Hinton, P.R., Brownlow, C, McMurray, I. dan Cozens, B. (2004). *SPSS Explain*. East Sussex: Routledge.
- Hodge, D.R. (2001). Spiritual Assessment: A Review of Major Qualitative Methods and A New Framework for Assessing Spirituality. *Social Work*. 46(3). p.205 – 213.
- Holbrook, A. (2008). Self-Report Measures dalam *Encyclopedia of Survey Research Method*. California: Sage Publication, Inc. p.805 – 807.

- Holder, M.D, Coleman, B. dan Wallace, J.M. (2010). Spirituality, Religiousness and Happiness in Children Aged 8 – 12 Years. *Journal of Happiness Study*. 11. p.131 – 150.
- Holder, W.D, Durant, R.H, Harris, T.L, Daniel, J.H, Obeidallah, D. dan Goodman, E. (2000). The Association Between Adolescent Spirituality and Voluntary Sexual Activity. *Journal of Adolescent Health*. 26(4). p.295 – 302.
- Hsu, C.C dan Sandford, B.A (2007). The Delphi Technique: Making Sense of Consensus. *Practical Assessment, Research and Evaluation*. 12(10). p.1 – 8.
- Ibn Hazm Al-Andalusee. (2004). *Moral Behaviour in Islam*. New Delhi: Adam Publisher and Distributers.
- Ibnu Amrullah Yusuf. (2012). *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi: Asas-asas Ilmu Islam*. Selangor: Jasmin Publications.
- Ibnu al-Maqdasi. (2008). *Jalam Orang-orang Soleh*. Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Imam Al-Ghazali. (1982). *Ihya' Ulumiddin (Jilid ke-4): Mengembangkan Ilmu-ilmu Agama*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Imam Al-Ghazali. (2000). *Empat Puluh Prinsip Dasar Agama*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Irving, T.B. (1983). Islam dan Tanggungjawab Sosial dalam *Pesan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka. p.115-125.
- Izutsu, T. (2002). *God and Men in The Qur'an: Semantic of Qur'anic Weltanschauung*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2005). Takat Keagamaan (Religiosity) dan Motivasi Sosial Seks Sebelum Nikah Di Kalangan Remaja Melayu dalam Malaysia: Isu-isu Sosial Semasa. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan ISM Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. p.27 – 46.
- Jimaain Safar. Pembinaan Instrumen Pentaksiran Akhlak Berasaskan Rakan Sebaya Pelajar Sekolah Menengah. Tesis PhD. UKM; 2013.
- Jung, C.G. (1964). *Man and His Symbols*. New York: Anchor Books Doubleday.
- Jusoh, M.S; Ambus, M.H; Osman, A; Abidin, R. (2014). Development and Validation of A Multidimensional Measure: Manufacturing Practices, Knowledge Transfer and Manufacturing Capabilities in Malaysian Manufacturing Companies. *Australian Journal Basic and Applied Science*. 8(12). p.25 – 29.
- Kahnmen, D., Diener, E. dan Schwarz, N. (1999). *Well-Being: Foundation of Hedonic Psychology*. London: Russell Sage Foundation.
- Kalkstein, S dan Tower, R.B. (2009). The Daily Spiritual Experiences Scale and Well Being: Demographic Comparison and Scale Validation with Older Jewish Adults and Diverse Internet. *Journal Religion Health*. 48. p.402– 417.
- Kamus Dewan Edisi ke-4. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaplan, R.M dan Succuzzo, D.P. (2001). *Psychological Testing: Principles, Application and Issues (5th edition)*. Belmont: Wadsworth Thomson Learning.
- Khairunnas Rajab. (2012). *Pengubatan Jiwa: Metode Perawatan Kesehatan Mental Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.

- Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1(2). p.1 – 4.
- Khurshid Ahmad. (1983). Dasar-dasar Islam dalam *Pesan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka. p.3 – 11.
- Khurshid Ahmad. (1983). Islam: Prinsip-prinsip Dasar dan Karakteristik-karakteristiknya dalam *Pesan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka. p.12 – 36.
- Kline, P. (1993). *The Handbook of Psychological Testing*. London: Routledge.
- Kline, T.J.B. (2005). *Psychological Testing: A Practical Approach to Design and Evaluation*. California: SAGE Publications, Inc.
- Lapsley, D.K. (2006). Moral Stage Theory dalam *Handbook of Moral Development*. Mahwah: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Lewis, L.M. (2008). Spiritual Assessment in African-American: A Review of Measures of Spirituality used in Health Research. *Journal of Religion Health*. 47. p.458 – 47.
- Loewenthal, K.M. (2001). *An Introduction to Psychological Tests and Scales (2nd edition)*. Sussex: Psychology Press Ltd.
- Loustalot, F. et. al. (2011). Psychometric Testing of the Daily Spiritual Experiences Scale among Americans in the Jackson Heart Study. *Journal of Religion and Health*. 50(3). p.675 – 685.
- Ludlow, L.H dan Haley, S,M (1995). Rasch Model Logits: Interpretation, Use and Transformation. *Educational and Psychological Measurement*. 55(6). p.967 – 975.
- MacDonald, D.B. (1970). *The Religious Attitude and Life in Islam*. New York: AMS Press.
- Mahmoud M. Ayoub. (1996). *Islam, Iman dan Amal*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Majid Fakhry. (1991). *Ethical Theories in Islam*. The Netherlands: E.J. Brill.
- Markstorm, C.A. (1992). Religious Involvement and Adolescent Psychosocial Development. *Journal of Adolescence*. 22. p.205 – 221.
- McIntire, S.A. dan Miller, L.A. (2000). *Foundation of Psychological Testing*. Boston: McGraw Hill.
- McIntire, S.A. dan Miller, L.A. (2007). *Foundation of Psychological Testing (2nd edition)*. California: Sage publications, Inc.
- Miller, L.A, Lovler, R.L dan McIntire, S.A. (2013). *Foundation of Psychological Testing: A Practical Approach (4th edition)*. California: Sage Publication, Inc.
- Miskawayh. (1968). *The Refinement of Character*. Beirut: The American University of Beirut.
- Moberg, D.O. (2010). Spirituality Research: Measure the Immeasurable. Perspectives. *Science and Christian Faith*. 62(2). p.99 – 114.
- Moberg, D.O. (2002). Assessing and Measuring Spirituality: Confronting Dilemmas of Universal and Particular Evaluative Criteria. *Journal of Adult Development*. 9(1). p.47 – 60.

- Moberg, D.O dan Brusek P.M. (1978). Spiritual Well-being: A Neglected Subject in Quality of Life Research. *Social Indicators Research*. 5. p.303 – 323.
- Mohammad Kosim. (2008). Ilmu Pengetahuan Dalam Islam (Perspektif Filosofis-Historis). *Tadris*. 3(2). p.121 – 140.
- Mohd. Nasir Omar. (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Kashfi Mohd Jailani. (2011). *Manual Pengenalan Pengukuran Rasch dan Winsteps*. UKM: Kompilasi nota kuliah yang tidak diterbitkan.
- Mohd. Zul Roslan, Suhana Abd Hamid dan Hasidi Besah. (2018). Latarbelakang, Peranan dan Perkembangan Pendidikan Agama di Negeri Johor: Sekolah Agama Kerajaan Johor. *Jurnal Penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (Edisi Khas 100 Tahun Pendidikan Islam Negeri Johor Darul Ta'zim)*. p.1 – 20.
- Muhammad Asad. (1983). *Ruh Islam dalam Pesan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Muhammad Imran Yousuf. (2007). The Delphi Technique. *Essays in Education*. 20. p.80-89.
- Muhammad Qutb. (1983). Islam dan Krisis Dunia Moden dalam *Pesan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Muhammad Qusairy An-Nashr. (1997). *Konsep Beriman dalam Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Muhammad Utsman Najati. (2001). *Jiwa Manusia dalam Sorotan al-Quran*. Jakarta: Cendekia Sentra Muslim.
- Muhammad Utsman Najati. (2002). *Jiwa dalam Pandangan Para Filosof Muslim..* Bandung: Pustaka Hidayah.
- Murphy, K.R. dan Davidshofer, C.O. (1994). *Psychological Testing: Principles and Applications*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Murray, R. dan Nielsen, M.E. (2006). *The Spiritualistic Tradition dalam The Psychologies in Religion: Working with The Religious Client*. New York: Springer Publishing Company.
- Mustafa Ahmad al-Zarqa. (1983). Konsep Islam tentang Ibadah dalam *Pesan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Naail Mohammed Kamil, Ali Kahtani dan Mohamed Sulaiman. (2011). Articulation of Spirituality in the Workplace: The Case of Malaysia. Prosiding dalam 8th International Conference on Islamic Economics and Finance. Capaian www.iaie.net
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (1994). *Tazkiyah Jiwa dan Nafsu*. Pulau Pinang: Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (1996). *Pemisah antara Iman dan Kufur*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2013). *Bicara Ini Demi Ilahi*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrak.
- Nordy, V.J. dan Hall, C.S. (1974). *A Guide to Psychologists and Their Concepts*. San Francisco: W.H. Freeman and Company.

- Owens, E. (2002). *Human Development: An Integrative Approach*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Pardini, D.A., Planteb. T.G., Shermanc, A. dan. Stumpd, J.E. (2000). Religious Faith and Spirituality in Substance Abuse Recovery Determining the Mental Health Benefits. *Journal of Substance Abuse Treatment*. 19 (2000). p.347 – 354.
- Perez, J.E, Little, T.D dan and Henrich, C.C. (2009). Spirituality and Depressive Symptoms in a School-Based Sample of Adolescents: A Longitudinal Examination of Mediated and Moderated Effects. *Journal of Adolescent Health*. 44. p.380 – 386.
- Power, M. et al (1998). The World Health Organisation Quality of Life Assessment (WHOQOL): Development and General Psychometric Properties. *Social Science Medicine*. 46(12). p.1569 – 1585.
- Pulaski, M.A.S. (1970). *Understanding Piaget: An Introduction to Children Cognitive Development*. New York: Harper and Row Publishers.
- Rabiul Islam, Ahmad Bashawir Abdul Ghani, Kusuma, B., Theseira, B.B. (2016). Education and Human Capital Effect on Malaysian Economic Growth. *International Journal of Economics and Financial Issues*. 6(4). p.1722 – 1728.
- Rashidi, M.N; Begum, R.A; Mokhtar, M; Pereira, J.J. (2014). Pelaksanaan Analisis Data Menggunakan Model Pengukuran Rasch bagi Menentukan Wajaran Item. *Journal of Advanced Research Design*. 2(1). p.1 – 9.
- Reig-Ferrer, A., Arenas, M.D., Ferrer-Cascales, R., Fernandez-Pascual, M.D., Albaladejo-Blazquez, N., Teresa Gil, M. dan de la Fuente, V. (2012). Evaluation of Spiritual Well-being in Haemodialysis Patients. *Nefrologia*. 32(6). p.731 – 742.
- Rew, L. dan Wong Y.J. (2006). A Systematic Review of Associations among Religiosity/Spirituality and Adolescent Health Attitudes and Behaviors. *Journal of Adolescent Health*. 38. p.433 – 442.
- Ritcher, R.J. (2001). Correlation of Psychological Well-Being and Christian Spiritual Well-Being at a Small Christian Liberal Arts College in the Urban Midwest. Pembentangan Kertas Kerja pada First Annual Undergraduate Research Symposium pada 10 Mei 2001.
- Ritt-Olson, A., Milam, J., Unger, J.B., Trinidad, D., Teran, L., Dent, C.W. dan Sussman, S. (2004). The Protective Influence of Spirituality and “Health as-a-Value” Against Monthly Substance Use Among Adolescents Varying in Risk. *Journal of Adolescent Health*. 34. p.192 – 199.
- Rowe, G dan Wright, G. (1999). The Delphi Technique as a Forecasting Tool: Issues and Analysis. *International Journal of Forecasting*. 15. p.353 – 375.
- Rubio, D.M., Berg-Weger, M., Tebb, S.S., Lee, E.S. dan Rauch, S. (2003). Objectifying Content Validity: Conducting a Content Validity Study in Social Work Research. *Social Work Research*. 27(2). p.94 – 104.
- Rulindo, R. dan Mardhatillah, A. (2011). Spirituality, Religiosity and Economics Performance of Muslim Micro-Entrepreneur. Proceedings dalam 8th

- International Conference on Islamic Economics and Finance. Capaian
www.iaie.net
- Ryff, C.D. dan Keyes, C.L.M. (1995). The Structure of Psychological Well-Being Revisited. *Journal of Personality and Social Psychology*. 69(4). p.719 – 727.
- Salkind, N.J. (2006a). *Exploring Research (6th edition)*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Salkind, N.J. (2006b). *Tests and Measurement for People Who (Think They) Hate Tests and Measurement*. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Sarooj Noor dan Sajjad Arif. (2011). Achieving Job Satisfaction via Workplace Spirituality: Pakistani Doctors in Focus. *European Journal of Social Sciences*. 19(4). p.507 – 515.
- Sayid Sabiq. (1997). *Akidah Islam: Pola Hidup Manusia Beriman*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Sayyid Qutb. (2012). *Berjiwa Suci kerana Mempunyai Iman*. Selangor: Al-Hidayah House of Publisher Sdn. Bhd.
- Schutte, L, Wissing M.P. dan Khumalo, I.P. (2013). Further Validation of the Questionnaire for Eudaimonic Well-Being (QEWB). *Psychology of Well Being: Theory, Research and Practice*. 3(3).
- Serrat, O. (2009). Understanding and Developing Emotional Intelligence. Capaian
www.knowledgesolution.com
- Seyyed Hossein Nashr. (1983). Dunia Barat dan Tentangan-tentangannya terhadap Islam dalam *Pesan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka. p.276 – 311.
- Seyyed Hossein Nashr. (1987). The Quran as The Foundation of Islamic Spirituality dalam *Islamic Spirituality: Foundation*. London: Routledge & Kegan Paul. p.3 – 10.
- Shek D.T.L. (2011). Spirituality as a Positive Youth Development Construct: A Conceptual Review. *The Scientific World Journal*. 2012. p.1 – 8.
- Sinar Harian. (15 Januari 2019). Mengejutkan 68 321 Pelajar Sekolah Menengah Merokok! Capaian <https://www.sinarharian.com.my/article/7682/SIASAT/pelajar-merokok>
- Siti Rahayah Ariffin, Ida Kamalawati Abu Bakar, Mohd Sahardi Che Harun dan Anita Isa (2010). Verification of Multiple Intelligences Construct Validity in an Online Instrument. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*. Capaian daripada www.sciencedirect.com
- Siti Rahayah Ariffin, Rodiah Idris dan Noriah Mohd Ishak (2010). Differential Item Functioning in Malaysian Generic Skills Instrument (MyGSI). *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(1). p.1 – 10.
- Smith, J.A. (2008). *Qualitative Psychology: A Practical Guide to Research Methods (2nd edition)*. London: Sage Publications Ltd.
- Spatz, C. dan Kardas, E.P. (2008). *Research Methods in Psychology*. New York: McGraw-Hill.
- Steinberg, L. (1996). *Adolescence (4th edition)*. New York: McGraw-Hill Inc.
- Syaikh Muhammad Said Mursi. (2001). *Seni Mendidik Anak 2*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.

- Syamsuddin Arif. (2008). *Orientalis dan Diabolisme Pemikiran*. Jakarta: Gema Insani.
- Syed Arabi Idid (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Qutb. (1983). Pendekatan Islam terhadap Masalah Keadilan dalam *Pesan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka. p.136 – 155.
- Syed Sohail Imam, Noor Harun Abdul Karim, Nor Radziah Jusoh dan Nor Ehsaniah Mamad (2009). Malay Version of Spiritual Well Being Scale: Is Malay Spiritual Well Being Scale a Psychometrically Sound Instrument? *The Journal of Behavioural Science*. 4(1). p.59 – 69.
- Syekh Hafizh Hakami (1999). *200 Soal Jawab Akidah Islam*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Synder, C.R., Lopez, S.J. dan Pedrotti, J.T. (2011). *Positive Psychology: The Scientific and Practical Explorations of Human Strengths (2nd edition)*. California: SAGE Publications, Inc.
- Tennant, A. dan Conaghan, P.G. (2007). The Rasch Measurement Model in Rheumatology: What It Is and Why Used It? When Should It Be Applied and What Should One Look for in a Rasch Paper? *Arthritis and Rheumatism (Arthritis Care and Research)*. 57(8). p.1358 – 1362.
- Tennant, A., McKenna, S.P. dan Hagell, P (2004). Application of Rasch Analysis in the Development and Application of Quality of Life Instruments. *Value in Health*. 7(1). p.S22 – S26.
- T.M Hasbi Ashshiddieqy. (1973). *Fungsi Akidah dalam Kehidupan Manusia dan Perpautannya dengan Agama*. Yogyakarta: Penerbit Menara Kudus.
- Underwood L.G. (2011). The Daily Spiritual Experience Scale: Overview and Results. *Religions*. 2. p.29 – 50.
- Underwood, L.G. (2006). Ordinary Spiritual Experience: Qualitative Research, Interpretive Guidelines, and Population Distribution for the Daily Spiritual Experience Scale. *Psychology of Religion*. 28(1). p.181 – 218.
- Underwood L.G. dan Teresi (2002). The Daily Spiritual Experience Scale: Development, Theoretical, Description, Reliability, Exploratory Factor Analysis and Preliminary Construct Validity Using Health-Related Data. *The Society of Behaviour Medicine*. 24(1). p.22 – 33.
- Urbina, S. (2004). *Essentials of Psychological Testing*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Viera, A.J. dan Garrett J.M. (2005). Understanding Interobserver Agreement: The Kappa Statistics. *Family Medicine*. 37(5). p.360 – 363.
- Walker, S.L. dan Fraser, B.J. (2005). Development and Validation of an Instrument for Assessing Distance Education Learning Environments in Higher Education: The Distance Education Learning Environments Survey (DELES). *Learning Environments Research*. 8. p.289 – 308.
- Worthington Jr., E.L., Wade, N.G., Hight, T.L., Ripley, J.S., McCullough, M.E., Berry, J.T., Berry, J.W., Schmitt, M.M., Burnsley, K.H. dan O'Connor, L. (2003). The Religious Commitment Inventory–10: Development, Refinement

- and Validation of a Brief Scale for Research and Counselling. *Journal of Counselling Psychology*. 50(1). p.84 – 96.
- Yunahar Ilyas. (1999). *Kuliah Akhlaq*. Yogyakarta: Lembaga Pengkajian dan Pengamalan Islam.
- Zafar Anfaq Ansari. (1992). *The Quranic Concept of Human Psyche*. Islamabad: The International Institute of Islamic Thought.
- Zanden, J.W.V. (2000). *Human Development (7th edition)*. Boston: McGraw-Hills Companies, Inc.
- Zuridan Mohd Daud. (2010). *Penyucian Jiwa*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa. (2001). *Konsep Akidah dan Pandangan al-Ghazali Mengenai Proses Pendidikan Akidah dalam Islam, Akidah dan Kerohanian (edisi ke-3)*. Bangi: Penerbit UKM.